

KONFLIK ANTARA SULTAN MAHMUD SYAH DENGAN BENDAHARA SERI MAHARAJA TUN MUZAHIR DAN KEJATUHAN KOTA MELAKA 1511

(The Conflict between Sultan Mahmud Syah and Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir, and the Fall of Melaka City 1511)

Azmi Arifin

azmiarifin@usm.my

Bahagian Sejarah,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Januari 2020

Sila rujuk: Azmi Arifin. (2020). Konflik antara Sultan Mahmud Syah dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir, dan Kejatuhan Kota Melaka 1511. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 25-62.

Abstrak

Kajian ini menilai semula dakwaan sesetengah sarjana yang menghubungkan kejatuhan Melaka pada 1511 dengan kekejaman dan kelemahan pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1481 – 1528). Dalam tulisan kajian terdahulu, Sultan Mahmud Syah digambarkan sebagai pemerintah yang sangat kejam dan berkuasa mutlak. Antara kekejaman utama beliau termasuklah melaksanakan hukuman mati terhadap beberapa individu, terutamanya Bendahara Tun Muzahir dan keluarganya. Tindakan itu didakwa kerana perasaan cemburu raja terhadap keputusan Bendahara untuk mengahwinkan puterinya Tun Fatimah dengan sepupunya Tun Ali, tanpa menunjukkan Tun Fatimah kepada baginda terlebih dahulu. “Pembunuhan” itu dikatakan telah memberikan kesan yang buruk kepada kestabilan politik Melaka yang membolehkan Portugis menawan Melaka pada 1511. Dengan mengkaji semula konflik Sultan Mahmud Syah-Tun Muzahir dan kejatuhan Melaka seperti yang diterangkan dalam teks *Sulalat-us-Salatin*, sumber Portugis dan sekunder, kajian ini cuba menilai semula kebenaran dakwaan tersebut. Kajian ini menyarankan

bahawa tindakan Sultan Mahmud Syah menghukum Bendahara Tun Muzahir yang lemah dan korup adalah tindakan yang wajar dan satu proses penyucian politik yang menyelamatkan Melaka daripada mengalami kerosakan yang lebih besar. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kejatuhan Melaka tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan pelaksanaan hukuman terhadap Tun Muzahir, sebaliknya, menjelaskan bahawa kejatuhan Melaka sebahagian besarnya berpunca daripada pengkhianatan asing, yang mengambil kesempatan daripada kelemahan pentadbiran Tun Muzahir untuk bersubhat dengan Portugis bagi menawan Kota Melaka pada 1511.

Kata kunci: Sultan Mahmud Syah, Bendahara Tun Muzahir, Melaka, Portugis, Tun Fatimah, *Sulalat-us-Salatin*

Abstract

*This study re-evaluates the claims of some scholars linking the fall of Melaka in 1511 with the atrocities and shortcomings of Sultan Mahmud Syah's reign (1481-1528). In their writings, Sultan Mahmud Syah was described as a very cruel and absolute ruler. Among his major atrocities was his decision to mete out the death sentence on several individuals, especially on Bendahara Tun Muzahir and his family. This was allegedly done because of the king's jealousy with regard to the Bendahara's decision to marry his daughter Tun Fatimah to her cousin Tun Ali, without introducing Tun Fatimah to the king first. The 'murder' is said to have left a devastating impact on Melaka's political stability, which enabled the Portuguese to conquer Melaka in 1511. By reviewing the conflict between Sultan Mahmud Syah and Tun Muzahir and the fall of Melaka as described in the *Sulalat-us-Salatin*, Portuguese sources and secondary sources, this study attempts to reassess the truth behind the allegations. This study suggests that Sultan Mahmud Syah's decision to punish the weak and corrupt Bendahara Tun Muzahir was a necessary act and a process of political cleansing that saved Melaka from greater damage. This study also shows that the fall of Melaka had no direct connection with the execution of Tun Muzahir. Instead, this study explains that the fall of Melaka was largely due to foreign betrayal, which took advantage of the weakness of Tun Muzahir's administration to conspire with the Portuguese to capture the city of Melaka in 1511.*

Keywords: Sultan Mahmud Syah, Bendahara Tun Muzahir, Melaka, Portuguese, Tun Fatimah, Sulalat-us-Salatin

PENDAHULUAN

Walaupun perbincangan telah banyak dihasilkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan persetujuan pendapat seolah-olah hampir dicapai, namun dapatan awal tentang punca kejatuhan Kota Melaka di tangan Portugis pada 1511 masih boleh diperdebatkan. Banyak aspek penghujahan yang dikemukakan sehingga kini masih menampakkan kekurangan dan kelompangan, terutamanya jika dilihat dari segi cara para pengkaji mentafsirkan peristiwa yang berlaku apabila Portugis berjaya menawan Kota Melaka pada tahun tersebut.

Kecuali beberapa tulisan, secara umumnya perbincangan para pengkaji (khususnya dalam kalangan ahli sejarah, ahli sains sosial dan sastera) tentang kejatuhan Kota Melaka tidak memfokuskan terhadap aspek teknikal, mekanikal dan taktikal serangan Portugis itu sendiri yang amat signifikan (McRobert, 1984). Antaranya termasuklah dari segi strategi peperangan yang dilaksanakan, jenis persenjataan, sifat pertahanan Melaka pada waktu itu, mahupun elemen pengkhianatan anasir asing di Melaka dan kesannya terhadap keutuhan Kota Melaka. Sebaliknya ramai pengkaji mengambil pendekatan yang begitu mudah dan mengelirukan. Tanpa memberikan bukti kukuh, mereka cuba memperlihatkan kejatuhan Kota Melaka berpunca daripada kejahatan pemerintahnya yang terakhir, iaitu Sultan Mahmud Syah. Para pengkaji tersebut berpendapat pemerintahan baginda yang kejam dan tindakannya menyingkirkan beberapa pembesar utama Melaka ialah punca utama yang melemahkan kestabilan politik dan pertahanan Melaka, lalu membolehkan Portugis mengalahkan Melaka.¹

Namun begitu, penghujahan tersebut, walaupun diterima umum dalam konteks persejarahan Malaysia hingga kini, masih boleh dipertikaikan. Hal ini kerana tidak ada pembuktian yang kukuh telah ditunjukkan oleh pengkaji tentang perkaitan secara langsung antara kekejaman Sultan Mahmud Syah dan pembunuhan Tun Muzahir dengan kejayaan serangan Portugis. Malah tanggapan yang mengaitkan peristiwa kejatuhan Melaka dengan kekejaman Sultan Mahmud tidak dapat dipertahankan dari segi pembuktian sejarah. Kelemahan pendapat mereka adalah menonjol kerana mengetepikan dua aspek utama yang berkaitan dengan kekalahan Melaka yang begitu jelas dicatatkan dalam sumber sejarah Melaka, termasuklah sumber Portugis dan *Sulalat-us-Salatin* sendiri.²

Dua aspek yang dimaksudkan itu pertama, kewujudan golongan pentadbir tempatan yang rasuah dan menyalahgunakan kuasa. Faktor inilah paling utama menjadi punca melemahkan Melaka, bukannya hukuman keras yang dilaksanakan terhadap penyalahgunaan kuasa tersebut. Kedua, pandangan awal juga dilihat hampir mengetepikan penjelasan yang jauh lebih penting yang mempengaruhi

kejatuhan Melaka, iaitu strategi peperangan yang dilaksanakan oleh Portugis. Selain itu, pengkhianatan orang asing di Melaka, yang membocorkan rahsia pertahanan Melaka atau bersubahat secara langsung dengan Portugis. Dari satu segi, kedua-dua faktor ini saling berkait dan saling melengkapi, namun jarang ditonjolkan dalam penjelasan para pengkaji tentang kejatuhan Melaka. Memahami kelompangan inilah yang menyebabkan seorang peneliti Barat McRoberts menjelaskan usaha mengaitkan jatuh bangunnya sesebuah kerajaan besar seperti Melaka dengan perlakuan seorang raja adalah lebih bersifat hagiografik berbanding historiografik (McRobert, 1984, p. 26). Hal ini dapat difahami kerana banyak aspek penyiasatan yang terperinci dan berkait secara langsung telah diabaikan oleh penulis semasa mentafsirkan kejatuhan Melaka disebabkan kecenderungan mereka mencari punca yang lebih mudah dan popular tentang pihak mana harus dipersalahkan.

Hujah ini bukanlah bermakna penulis menafikan sepenuhnya beberapa elemen penting pemerintahan Sultan Mahmud Syah yang dapat dianggap menggambarkan kelemahan dan keburukannya yang telah mempengaruhi keutuhan politik Melaka. Kejahatan yang dilakukannya terutama ketika zaman remajanya - pembunuhan, bermukah dengan isteri orang, nafsu buasnya – merupakan hakikat yang tertulis dalam lembaran sejarah, walaupun fenomena ini bukanlah wujud pada zaman kesultanan Melaka itu sahaja, atau pada seseorang yang berdarah raja sahaja, atau dalam institusi kesultanan Melayu semata-mata. Satu peristiwa penting yang dicatatkan dalam *Sulalat-us-Salatin* ialah hukuman mati yang dilaksanakan terhadap Bendahara Tun Muzahir dan ahli keluarganya. Rata-rata pengkaji mengaitkan “pembunuhan” tersebut dengan kekejaman Sultan Mahmud Syah (Lihat nota hujung 1). Peristiwa tersebut merupakan kemuncak krisis dalam politik Melaka yang pada satu tahap sukar dinafikan telah mengganggu sedikit sebanyak keutuhan politik Melaka sebelum ketibaan Portugis.

Namun begitu, penulis berpendapat adalah terlalu dangkal untuk pengkaji terus membuat keputusan mudah menyalahkan sepenuhnya Sultan Mahmud Syah atas setiap kekerasan dan kelemahan yang wujud dalam pemerintahannya, terutama dalam kes hukuman mati yang dijatuhkan terhadap Bendahara. Dalam kes tersebut, satu pengadilan moral yang objektif haruslah dibuat dengan menghubungkaitkan hukuman mati itu dengan peranan yang turut dimainkan oleh Bendahara Tun Muzahir itu sendiri. Penilaian yang hampir sepenuhnya negatif diberikan terhadap Sultan Mahmud. Sikap atau penilaian yang begitu jauh berbeza telah ditunjukkan terhadap Bendahara Tun Muzahir - bekas pemangku raja, bapa saudara dan mentor Sultan Mahmud Syah - yang sering diperlihatkan sebagai seorang yang baik, bijaksana, jujur, lurus dan tidak bersalah (Lihat nota hujung 1). Dua watak tersebut – Sultan

Mahmud Syah dan Bendahara Tun Muzahir – sering diperlihatkan sebagai antitesis dalam kajian sejarah mahupun kesusasteraan Melayu. Sultan Mahmud digambarkan mewakili kepimpinan raja “feudal”, “berkuasa mutlak” dan seburuk-buruk pemerintah (Aiza Maslan @ Baharudin, 2018, p. 140), manakala Tun Muzahir yang jelas merupakan pemimpin yang lemah dan korup diperlihatkan semata-mata sebagai mangsa kepada watak pertama itu. Dalam konteks ini, aspek keperibadian, keadaan yang mempengaruhi sikap, motif dan tindakan yang mendorong Sultan Mahmud Syah melakukan setiap “kejahatan” tidak pula cuba dijelaskan secara seimbang dan terperinci mengikut keadaan, tekanan serta tenaga yang mempengaruhinya. Para penulis jelas telah membuat keputusan awal untuk menyalahkan sepenuhnya Sultan Mahmud. Kejahatan dan kekejaman baginda telah ditafsirkan, malah diperbesar-besarkan, berasaskan andaian salah terhadap beberapa kesalahan awal yang dilakukan oleh raja itu, yang diperlihatkan sebagai satu pilihan bebas dan mencerminkan keperibadiannya yang kekal. Yang jelas, wujud kecenderungan ketara dalam kalangan pengkaji untuk menerima sahaja pandangan yang dikemukakan oleh pengarang teks *Sulalat-us-Salatin* yang ternyata telah menyalahkan perasaan “cemburu buta” dan “dendam” sebagai punca pembunuhan Bendahara Tun Muzahir (Abdul Rahman Haji Ismail, 2010, pp. 257, 261) walaupun jelas wujudnya kelompangan terhadap hujahan sedemikian.

Kajian ini menyarankan suatu tafsiran baharu mengenai aspek keperibadian dan konflik yang melibatkan dua individu tersebut. Tun Muzahir bukanlah watak seorang pentadbir yang baik, jujur dan mulia, yang hanya menjadi mangsa kepada kezaliman sultannya seperti yang sering diperlihatkan oleh para pengkaji. Dan bahawa Sultan Mahmud pula bukanlah seburuk-buruk (dari segi akhlak), selemah-lemah (dalam membuat keputusan) dan sekejam-kejam pemerintah yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kematian Tun Muzahir dan kejatuhan Melaka. Bahkan dalam kajian ini dihujahkan bahawa tindakan Sultan Mahmud menjatuhkan hukuman terhadap Bendahara merupakan satu keputusan yang tepat dan wajar, walaupun secara kebetulan, agak terlambat dan mungkin kelihatan agak keras. Kajian ini menghujahkan bahawa kerosakan sebenar yang berlaku dan individu sebenar yang bertanggungjawab membawa kepada terlaksananya hukuman mati dan kejatuhan Kota Melaka ialah Bendahara Tun Muzahir sendiri. Kelemahan, sikap tidak setia, amalan pilih kasih dan korupsi dalam pentadbirannya bukan sahaja mencipta konflik dan perpecahan, malah mendorong para pedagang asing mengambil sepenuhnya kesempatan atas kelemahannya dan kebencian terhadapnya untuk memanipulasi dan mengkhianati Melaka dengan berpaling tadah dan terlibat secara langsung membantu Portugis dalam kempen menakluki Melaka pada 1511.

SIKAP DAN KEPERIBADIAN SULTAN MAHMUD SYAH

Banyak kajian yang membincangkan tentang pemerintah Melaka terakhir hanya memfokuskan elemen keburukan dan kejahatan peribadi baginda, tetapi gagal menonjolkan punca sebenar yang mendorongnya bersikap begitu. Oleh itu, pemaparan tentang keperibadian Sultan Mahmud dalam kajian sejarah (atau lebih tepat, kajian separa sejarah) adalah hampir bersifat negatif sepenuhnya. Pada masa yang sama, para pengkaji cuba menonjolkan betapa tidak bersalah, setia dan mulianya watak yang bertentangan dengannya, khususnya Bendahara Melaka Seri Maharaja Tun Muzahir yang dianggap hanya menjadi mangsa kerakusan dan kejahatan Sultan Mahmud.³ Pandangan umum yang dikemukakan menggambarkan corak pemerintahan Sultan Mahmud yang kejam dan hukuman mati yang “tidak adil” dijatuhkan terhadap Bendahara Melaka menjadi punca utama Melaka lemah dan akhirnya dapat dikalahkan oleh Portugis. Dalam sesetengah keadaan, penilaian yang dikemukakan para pengkaji tersebut, khususnya dalam tulisan pengkaji bukan sejarah, bersifat pengadilan moral yang mudah, keterlaluan dan bersifat prejudis.

Pandangan ini boleh dilihat misalnya melalui tulisan Raja Mohd Affandi yang bertajuk *Tokoh-Tokoh Melayu yang Agung dalam Sejarah* (1982). Dalam tulisannya itu Raja Mohd Affandi menegaskan Sultan Mahmud Syah merupakan seorang pemerintah yang kejam dan amat buruk peribadinya, yang membawa kepada kelemahan politik Melaka dan menyebabkan Melaka tumbang di tangan Portugis (Raja Mohd Affandi, 1982, p. 56). Bahkan Raja Mohd membuat kritikan yang agak keterlaluan apabila cuba “terjun” dalam peristiwa sejarah yang dikajinya dengan menyatakan sokongannya terhadap rancangan pembunuhan awal Sultan Mahmud (oleh datuknya Raja Tua), dengan menyatakan bahawa tindakan Tun Perak menghalang Sultan Mahmud daripada dibunuh semasa baginda masih kecil sebagai “... satu tindakan yang silap” (*Ibid.*).⁴ Seorang ahli sejarah pula membuat rumusan yang agak “pelik” dengan mengaitkan kejatuhan Kota Melaka dengan hukuman Tuhan. Misalnya menurut Cheah Boon Kheng (1993, 83);

Sekiranya kita merujuk kepada pembunuhan Seri Maharaja Tun Mutahir yang tidak berdosa itu, seperti yang digambarkan oleh pengarang *Sejarah Melayu*, jelaslah Sultan Mahmud Syah sudah melakukan kesalahan di sisi hukum syarak. Baginda juga telah menggunakan kekerasan ke atas orang lain dan mengenakan hukuman bunuh tanpa usul periksa. Jadi apabila kerajaannya dibinasakan, maka jelas itu adalah balasan dari Tuhan yang menimpakan bala ke atasnya.

Walaupun sukar dinafikan dari segi akhlak, keperibadian dan kepimpinannya Sultan Mahmud bukanlah merupakan seorang pemerintah yang berkarisma berbanding raja-raja sebelumnya, namun adalah tidak wajar para pengkaji mengaitkan setiap insiden yang berlaku di bawah pemerintahan baginda dengan kejahatannya tanpa meneliti atau menjelaskan secara terperinci tentang sebab musabab atau kewajaran yang mendorong beberapa tindakan yang diambil oleh baginda. Begitu juga sebalik kelemahannya itu, tertonjol sikapnya yang baik yang menunjukkan Sultan Mahmud sememangnya merupakan pemerintah yang mempunyai kehebatan tersendiri. Misalnya sikapnya yang tegas, sabar, bertolak ansur, suka menginsafi diri, sedia berkorban dan patriotik terhadap negara dan bangsanya adalah beberapa sifat mulianya yang sentiasa dikaburi oleh pengadilan moral para pengkaji yang hanya memusatkan perhatian mereka kepada kelemahannya semata-mata. Pendek kata, penilaian terhadap watak dan keperibadian Sultan Mahmud haruslah berasaskan penilaian yang seimbang dengan melihat kedua-dua sudut, iaitu kekurangan mahupun kelebihan baginda.

Dari sudut pertama, sememangnya sukar dinafikan dari segi keperibadian Sultan Mahmud Syah bukanlah seorang pemerintah yang sempurna. Bahkan harus diakui berdasarkan teks *Sulalat-us-Salatin* bahawa semasa pemerintahannya baginda telah banyak melakukan tindakan yang kejam dan salah. Salah satu sifat kelemahan atau keburukan peribadi baginda ialah kegilaannya terhadap wanita. Hal ini menjelaskan kenapa baginda terlanjur melakukan beberapa kejahatan, antaranya bermukah dengan isteri panglimanya sendiri (Abdul Rahman, 2010, pp. 217-218). Sebelum itu, Sultan Mahmud terlibat dalam peristiwa pembunuhan Tun Ali Sandang hanya kerana niatnya untuk melakukan “kejahatan” dengan Tun Dewi terhalang (*Ibid.*, 214). Demi seorang wanita jugalah puncanya yang mendorong baginda bertindak melarikan tunang Sultan Pahang yang menyebabkan kerajaan Pahang-Melaka hampir berperang (*Ibid.*, 238-246). Berdasarkan beberapa senarai keburukan yang telah dilakukannya itu, tidak hairanlah seorang pengkaji menjelaskan “...sebagai seorang yang bermata keranjang, Sultan Mahmud akan berusaha sedaya upaya tanpa mempertimbangkan sifat-sifat kemanusiaan untuk memenuhi nafsu dan kehendaknya” (Muhammad Yusoff Hashim, 1989, p. 45).

Baginda juga seorang yang agak keras dalam menghukum, dan dalam keadaan tertentu, dilihat begitu tergesa-gesa membuat keputusan yang penting. Beberapa hukuman yang dilaksanakan baginda sebelum menjatuhkan hukuman mati terhadap Tun Muzahir, sebahagiannya jelas disebut dalam teks *Sulalat-us Salatin*, merupakan hukuman mati. Hukuman mati misalnya telah dijatuhkan terhadap Seri Bija Aldiraja oleh baginda (Abdul Rahman, 2010, p. 214) dan Raja Zainal (*Ibid.*, 222) adiknya

sendiri, yang dibunuh atas arahan baginda kerana didakwa cemburu dengan ketampanan wajah adiknya itu yang menjadi kegilaan wanita Melaka.⁵ Malah Sultan Ahmad Syah, iaitu anaknya sendiri juga menjadi mangsa hukumannya yang keras (*Ibid.*, 270). Pendek kata, dengan sikap dan kepimpinannya yang keras atau tegas itu memudahkan serta mengukuhkan lagi dakwaan yang mengatakan bahawa pemerintahan baginda mewakili kepimpinan politik Melaka yang bersikap kuku besi dan berkuasa mutlak.

Namun begitu, seperti yang dinyatakan sebelum ini, dalam menganalisis kepimpinan seseorang pemerintah, para pengkaji khususnya ahli sejarah tidak harus hanya menonjolkan aspek negatif semata-mata, kerana di sebalik sifat atau keperibadiannya yang buruk itu, tetap terselit sifat kemuliaan dalam diri baginda. Misalnya sikap “gila perempuan” itu dapat ditutup oleh sikapnya yang sedikit sebanyak memahami hukum agama dan adat resam, sehingga setelah disedarkan atau dicemuh atas kesilapannya, baginda tidaklah memberontak, malah cepat mengakui kesalahannya dan cepat pula bertaubat, serta serik dan tidak lagi mengulangi perbuatannya yang buruk itu. Misalnya kerana terlanjur melakukan kesalahan bermukah dengan isteri Tun Biyajit, Sultan Mahmud secara terbuka mengakui kesalahan besarnya itu, malah menyatakan kewajaran baginda dijatuhi hukuman mati setelah diancam bunuh oleh Tun Biyajit. Baginda tidak berasa benci atau ber dendam dengan Tun Biyajit yang menunjukkan kemarahan atau penderhakaannya secara terbuka atas perbuatan baginda yang salah itu. Malah Sultan Mahmud menerangkan kepada pengiringnya bahawa tindakan Tun Biyajit itu adalah sah dari segi hukum adat dan agama. Dalam teks *Sulalat-us-Salatin* ada disebutkan pertembungan antara Tun Biyajit dan Sultan Mahmud itu, dan sikap baginda terhadap reaksi marah yang dilepaskan oleh Tun Biyajit serta “penderhakaan” Tun Biyajit selepasnya yang tidak mahu lagi menurut perintah Sultan selepas itu.

Hei Sultan Mahmud Syah! Demikianlah pekerti tuan hamba! Sayang, tuan hamba tuan pada hamba; jikalau tuan hamba bukan tuan pada hamba, nescaya lembing ini kutikamkan dada tuan hamba!” Maka segala hamba raja itu hendak gusar, maka titah baginda, “Jangan kamu sekalian amarah, karena kitab [katanya] itu benar, sebut Saidi, salah kita pada itu, hukumnya patut dibunuhnya. Oleh dia hamba Melayu tiada mau durhaka mengubahkan setianya, maka demikian itu lakunya”. Maka baginda pun kembali ke istananya. Maka oleh Tun Biyajit akan isterinya itu diberinya talaknya syahadan ia pun tiadalah mau mengadap dan bekerja lagi. Maka oleh Sultan Mahmud Syah, akan Biyajit itu dibujuknya, dihantar baginda seorang gundik baginda, Tun Iram Sendari namanya, diambilnya oleh Tun Biyajit; tetapi sungguhpun demikian, tiada juga Tun Biyajit mau ke majlis (*Ibid.*, 218).

Selepas itu, baginda telah terlibat pula dalam tindakan melarikan Tun Kudu, tunangan pemerintah Pahang. Namun begitu, baginda hanya berniat menjadikan Tun Kudu sebagai permaisurinya, dan sejak perkahwinannya dengan Tun Kudu tidaklah kedengaran lagi disebut dalam teks *Sulalat-us-Salatin* sikap buas baginda terhadap wanita. Pada masa yang sama, *Sulalat-us-Salatin* juga menonjolkan sifat baginda yang gemar mempelajari hal agama dan memperbaiki diri, bahkan sanggup merendahkan kedudukan baginda hanya kerana begitu menghormati ilmuwan agama.⁶ Walaupun ini tidaklah begitu menarik perhatian para pengkaji, namun dari sudut lain terlihat nilai kebaikan pada diri baginda yang dapat mengimbangi sikap buruknya itu. Kesukaan terhadap agama dan sikap mudah mengaku salah dapat menjadi benteng kekuatan yang terbukti menghalang baginda daripada menjadi seorang pemerintah yang sebenar-benarnya kejam dan mengikut sepenuhnya hawa nafsu seperti yang menjadi amalan dalam kalangan sesetengah pemerintah dunia pada zamannya atau zaman selepasnya.

Walaupun Sultan Mahmud seorang yang tegas dalam berhukum, namun perlu difahami kebanyakan tindakannya bersebab dan mengikut garis undang-undang yang diamalkan dan diterima di Melaka pada ketika itu. Misalnya, apabila Seri Bija Aldiraja dihukum, puncanya daripada sikap pembesar Melaka itu yang menderhaka dan menolak pertuanan rajanya itu. Malah sejak awal pelantikan Sultan Mahmud lagi Seri Bija Aldiraja telah menunjukkan sikap penderhakaannya secara terbuka dan berterusan terhadap Sultan Mahmud, hanya kerana beliau tidak mahu “bertuankan” raja Melaka yang baharu itu. Keadaan ini telah menimbulkan fitnah sehingga menjelaskan bahawa tindakan Sultan Mahmud menghukum beliau adalah bersebab, bukannya secara melulu. Bahkan, yang menarik perhatian ialah sewaktu dijatuhi hukuman mati, Seri Bija Aldiraja yang mempertikaikan hukuman terhadapnya telah diberikan pernyataan secara bertulis tentang beberapa “kesalahan besar” yang dilakukannya terhadap raja dan kerajaannya itu.⁷

Selain itu, hukuman mati yang dikenakan terhadap adinda baginda, iaitu Raja Zainal, walaupun dilakukan secara terselindung, adalah bertujuan untuk mengelakkan timbulnya fitnah dan kerosakan besar akibat perbuatan Raja Zainal itu sendiri yang mengaibkan maruah keluarga dan kerajaannya. Tindakan Sultan Mahmud bukanlah lahir daripada perasaan cemburu baginda seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak (Muhammad Yusoff Hashim 1989, p. 48). Malah kerosakan yang dibawa oleh perlakuan Raja Zainal itu dinyatakan dengan cukup jelas dalam teks *Sulalat-us-Salatin*:

Apabila Raja Zainal Abidin akan berkuda, maka baginda memakai. Setelah sudah memakai, maka berpasak jebat-jebatan digosokkan baginda pada kuda itu, maka pergilah baginda berkuda. Maka gemparlah segala orang di pekan melihat baginda lalu itu; segala anak bininya orang dan anak dara-dara orang yang taruhan sekaliannya berterpaan, hendak melihat Sultan Zainal Abidin; ada yang menengok pada pintu, ada yang menengok pada kisi-kisi, ada yang menengok pada tingkap, ada yang menengok pada atap, ada yang memasuk dinding, ada yang memanjat pagar. Maka rupa pengidah perempuan akan Raja Zainal Abidin pun tiadalah tersebut lagi, maka rupa sirih masak berpuluh cepu gantal, dan lelat jangan dikata lagi. Maka bau-bauan dan narwastu beratus-ratus cembul, jebat masak bermandi-mandi, bunga cempaka digubah dan bunga melur diangkat berceper-ceper, putar-putar bunga apatah lagi? Maka barang yang berkenan, diambilnya oleh Raja Zainal Abidin, barang yang tiada berkenan, diberikan baginda pada segala orang muda-muda. Maka cabullah negeri Melaka pada masa itu

(Abdul Rahman, 2010, pp. 222-223).

Beberapa peristiwa dan hukuman yang dilaksanakan di bawah pemerintahannya jelas menunjukkan selain keburukan yang dilakukan pada usia mudanya, serta hukuman keras yang dijatuhkan baginda, sebahagian besarnya didorong oleh sebab-sebab yang munasabah dan bukanlah dilakukan secara wewenang atau membuta tuli. Jelasnya, walaupun Sultan Mahmud sering diperlihatkan sejahat-jahat dan selemah-lemah individu, namun baginda bukanlah seburuk-buruk pemimpin sehingga tidak ada lagi sifat kewibawaan, karisma dan kemuliaan pada dirinya. Dari satu sisi, dan seelok permulaan perbincangan, baginda hendaklah dilihat sebagai seorang manusia biasa, cuma lahir dan hidup dalam kelompok golongan kebanyakan anak raja yang dipenuhi pengikut setia, pangkat, kuasa, nafsu dan kemewahan. Dalam keadaan tidak dipandu oleh ajaran agama dan pendidikan yang betul, tidaklah menghairankan jika baginda tidak dapat lari daripada membuat kesalahan dan silap perhitungan semasa usia remajanya. Peribadi baginda semasa zaman remajanya sememangnya buruk. Banyak kesalahan dilakukan baginda semasa menjadi Sultan Melaka ketika berada pada zaman itu.⁸ Namun begitu, sejauh mana kekuasaan dan “kekebalannya”, baginda tetap terikat dengan kehendak undang-undang dan hukum bicara para pembesarnya. Baginda bukanlah seorang pemimpin yang berkuasa mutlak, berkuku besi atau tirani seperti didakwa oleh sesetengah pihak, yang mampu, sedia dan boleh berbuat apa-apa sahaja yang disukainya tanpa sebarang sekatan.

Keperibadian baginda yang buruk adalah disebabkan sejak kecil baginda telah diasuh dengan didikan yang tidak betul oleh pemangku sultan dan penjaganya, iaitu

Bendahara Tun Muzahir sendiri, sehingga tidak menghairankan baginda menjadi seorang pemerintah yang lalai dan berhati keras (Muhammad Yusoff, 1989, p. 40). Misalnya pada zamannya menjadi pemangku sultan (dan selepasnya), Tun Muzahir sendiri memang cukup terkenal sebagai seorang pemerintah yang keras dan zalim. Kezalimannya itu bahkan telah ditegur dan diberi amaran oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak tentang kesan buruknya kepada sultan yang masih kecil yang sedang dibesarkannya. Hal ini kerana perbuatan Tun Muzahir itu, mengikut pemerhatian Bendahara Paduka Raja, adalah seperti mengajar Sultan Mahmud agar mempunyai sikap dan hati yang keras sepertinya. Dalam *Sulalat-us-Salatin* (Abdul Rahman, 2010, p. 201) ada disebut:

Arakian tidak berapa lama baginda (Sultan Mahmud) kerajaan, ada seorang orang salah dibawa mengadap kepada baginda, salahnya pun tiada apa bahananya; maka oleh Seri Maharaja disuruhnya bunuh, maka dibunuh oranglah. Maka kata Bendahara Paduka Raja, 'Lihatlah Seri Maharaja! Anak harimau diajarnya makan daging. Kelak ditangkapnya.'⁹

Namun begitu, segala nasihat dan teguran yang diberikan oleh Bendahara Paduka Raja, mahupun para pembesar yang lain, langsung tidak diendahkan oleh Tun Muzahir. Sememangnya seperti yang ditunjukkan dalam teks *Sulalat-us-Salatin*, Tun Muzahir merupakan seorang pemimpin yang mempunyai sikap ego yang tinggi serta jarang mendengar nasihat orang lain, khususnya yang dianggapnya tidak setaraf dengan kedudukannya. Sikap buruknya semasa Melaka di bawah kepimpinannya telah menyebabkan Tun Perak telah dapat mengesan keburukan sikap Tun Muzahir itu, lalu menasihati atau memberi amaran kepada Tun Muzahir tentang kesan buruk sikapnya itu terhadap dirinya sendiri pada masa hadapan. Nampaknya, Tun Perak dapat menghidu sikap Tun Muzahir yang ego hanya kerana beliau merupakan bapa saudara sultan. Oleh itu, dalam wasiat terakhirnya yang ditujukan khusus kepada Tun Muzahir sebelum meninggal dunia, Tun Perak menyebut:

Muzahir, engkaulah kelak menjadi orang besar; daripada aku pun lebih kebesaranmu. Tetapi jangan pada bicaramu engkau bapa saudara raja; jikalau melintas pada hatimu engkau bapa saudara raja, engkau dibunuh orang (*Ibid.*, 205).

SIKAP DAN KEPIMPINAN TUN MUZAHIR

Sehingga kini boleh dikatakan hampir tidak ada tulisan yang menjelaskan sikap dan kepimpinan sebenar Tun Muzahir walaupun beliau, seperti digambarkan dalam

teks *Sulalat-us-Salatin*, merupakan seorang pemimpin yang mempunyai banyak kelemahannya. Berbanding dengan Bendahara Melaka sebelumnya, iaitu Paduka Raja Tun Perak yang agak terkenal dengan budi pekertinya, kerendahan diri, ketaatsetiaan, kewibawaannya dan kecekapannya (Jelani, 2016, pp. 49-51), Tun Muzahir bukanlah seorang Bendahara yang berkarisma. Kelemahannya telah menonjol sejak beliau memegang jawatan sebagai Temenggung lagi.¹⁰ Kelemahannya kepimpinannya menjadi lebih jelas apabila beliau dilantik menjadi Bendahara Melaka. Pemilihannya disebabkan oleh kedudukannya, pengaruhnya di istana atau mungkin pengalamannya dalam pentadbiran yang agak lama.

Dua aspek utama kelemahan beliau ialah pertama, kesukaannya terhadap pengaruh, kekayaan dan kemewahan yang menjadi budaya keluarganya sejak zaman Mani Purindam lagi. Keluarga Tun Muzahir sememangnya terkenal sebagai keluarga pedagang yang amat berpengaruh dan kaya tetapi telah mencampuradukkan urusan perniagaan dengan politik sejak menguasai pentadbiran Melaka khususnya di bawah pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Sikap Tun Muzahir yang mementingkan pengaruh dan kekayaan menyebabkan beliau mudah dipengaruhi dan dikuasai orang asing. Beliau juga kurang mempedulikan tentang soal kecekapan dan ketelusan dalam pentadbiran serta begitu mudah terdedah dengan mainan atau manipulasi orang asing yang mengambil kesempatan atas minatnya terhadap kekayaan dan kelemahan peribadinya. Sikap negatifnya itulah yang diperturunkan kepada Sultan Mahmud yang dididiknya sejak kecil. Raja itu dibiarkan oleh Bendahara sebagai bapa saudara mahupun sebagai penasihat hidup dalam keadaan yang serba mewah, bebas dan tidak terkawal, dan kejam tanpa bimbingan betul sejak baginda masih kecil lagi. Jadi tidak hairanlah setelah Sultan Mahmud membesar, baginda mempunyai sikap dan keperibadian yang agak buruk dan keras disebabkan bentuk asuhan yang diterimanya.

Tun Muzahir sendiri seperti dicatatkan dalam teks *Sulalat-us-Salatin* terkenal sebagai seorang yang mengamalkan rasuah dan kronisme dalam pentadbiran Melaka. Rasuah dan amalan menghimpunkan pengikut pada zamannya yang berleluasa menjadi punca kelemahan dan ketidakstabilan Melaka. Sejak awal penguasaan keluarga Mani Purindam dalam istana Melaka, persengketaan, perebutan kuasa dan nepotisme menjadi budaya dalam politik Melaka khususnya di bawah kepimpinan keluarga Tun Ali-Tun Muzahir. Semua jawatan penting dalam pentadbiran Melaka hampir dibolot sepenuhnya oleh keluarga Tun Muzahir. Pada masa yang sama, Tun Muzahir terlibat dalam pengumpulan kekayaan melalui perniagaan walaupun sedang memegang jawatan pentadbir Melaka. Akibatnya, amalan rasuah mula timbul dan semakin menjadi-jadi, sedangkan Tun Muzahir sendiri adalah antara

individu utama yang mengamalkan dan menerima rasuah. Amalan rasuah yang dikembangkannya secara tidak terkawal dan keinginannya memusatkan kuasa di tangannya menjadi penyakit yang membuka segala pintu kelemahan dan perpecahan di Melaka, sama ada yang melibatkan orang tempatan mahupun orang asing. Sebagai Bendahara dan bapa saudara sultan, beliau sepatutnya menjadi individu yang paling bertanggungjawab memastikan pentadbiran Melaka menjadi stabil, kuat dan cekap, namun beliau bertindak sebaliknya. Oleh itu, apabila Melaka menjadi goncang dan kucar-kacir di bawah pentadbirannya, beliaulah sebenarnya individu yang paling bertanggungjawab dan harus dipersalahkan, bukannya Sultan Mahmud Syah.

Kedua, sikapnya yang dipengaruhi oleh kedudukan dan kekayaannya – sikap tinggi diri yang begitu menonjol dan kurang menghormati raja atau pembesar lain, menjelaskan keperibadian dan kepimpinannya. Bahkan dalam banyak segi, beliau merupakan seorang Bendahara yang paling kerap mengingkari arahan atau menderhakai rajanya. Hal ini tidak menghairankan kerana Tun Muzahir menganggap dirinya lebih sebagai bapa saudara sultan berbanding sebagai seorang hamba sultan atau pembesar Melaka. Maka disebabkan sikap egonya dan kedudukannya itu, ditambah lagi dengan pengaruh dan kekayaan yang luar biasa, beliau berasa kedudukannya setaraf dengan sultan. Sikapnya inilah yang menyebabkan beliau pernah ditegur oleh Tun Perak sebelumnya. Namun begitu, jelas kekayaan dan kedudukannya itu telah meracuni dan mempengaruhi sikap serta kesetiaannya terhadap rajanya, yang selalu dipandangnya dengan perasaan kurang hormat. Dalam teks *Sulalat-us-Salatin* beliau ditonjolkan bukan sahaja sering mengingkari titah perintah Sultan Mahmud, bahkan adakalanya sampai pada peringkat menghina sultan. Walhal jawatannya sebagai Bendahara dan bapa saudara sultan sebagai penasihat, pembimbing dan pendukung sultan. Namun hakikatnya, keadaan berlaku sebaliknya.

Sejak dari awal lagi Bendahara Tun Muzahir telah melakukan banyak tindakan yang mengaibkan dan membelakangi raja, mencerminkan wataknya sebagai seorang Bendahara yang tidak pandai memelihara adat dan lunas-lunas hubungan dengan sultannya. Di sebalik beberapa tindakannya yang meremehkan titah sultan, terdapat beberapa kesalahan besar yang jelas dilakukannya melanggar adat resam dan tatasusila seorang pembesar, khususnya semasa memegang jawatan Bendahara Melaka. Antaranya termasuklah melanggar adat resam istana Melaka dengan mengahwinkan anaknya Tun Fatimah tanpa ditunjukkan terlebih dahulu kepada sultan (Muhammad Yusoff, 1989, p. 46), sedangkan menurut adat yang diamalkan dalam tradisi politik Melayu, seseorang Bendahara akan menjodohkan anaknya dengan sultan terlebih dahulu. Apatah lagi Sultan Mahmud Syah sendiri pada ketika itu telah kehilangan

permaisurinya. Tindakan Bendahara ini jelas mengaibkan Sultan Melaka pada pandangan seluruh rakyat dan pembesar Melaka, menggambarkan betapa tidak caknanya dan acuh tidak acuhnya pembesar utama dan penasihat Sultan Melaka itu terhadap maruah serta keaiban rajanya sendiri. Perbuatan itu dilakukannya secara sedar dan sengaja, bahkan Tun Muzahir sendiri telah diperingatkan akan kesalahannya itu. Memahami tindakan tersebut mungkin akan mendatangkan kemurkaan Sultan Melaka, maka bapa saudara Sultan Mahmud, iaitu Raja Di Baruh telah menegur serta mengingatkan Bendahara Seri Maharaja akan kesalahannya itu.

Setelah Raja Di Baruh melihat rupa Tun Fatimah, maka terlalu hairanlah baginda memandang parasnya, maka kata Raja Di Baruh pada Bendahara Seri Maharaja, “Yang Dipertuan pun adakah sudah melihat anakanda ini?” Maka sahut Bendahara Seri Maharaja, “Belum Yang Dipertuan memandang dia”. Maka kata Raja Di Baruh, “Bendahara, jikalau tiada gusar, mari beta berkata kepada Bendahara”. Maka kata Raja Di Baruh, “Akan anakanda ini terlalulah sekali baik parasnya, pada hati beta, tiada patut ia bersuami orang keluaran. Jikalau Bendahara mau mendengar kata beta ini, jangan anakanda ini diberi bersuami dahulu, karena sekarang Raja Perempuan, Permaisuri Pahang, telah mangkat. Yang istiadat raja Melayu, apabila tiada Raja Perempuan, anakanda Bendahara akan Raja Perempuan”. Maka sahut Bendahara Seri Maharaja, “Tuanku, patik orang jahat, patut sama orang jahat juga.” Maka kata Raja Di Baruh, “Baiklah, yang mana kesukaan Bendahara kerjakanlah, karena beta sekadar mengingatkan juga”

(Abdul Rahman, 2010, p. 256)

Ternyata dalam kes ini Bendahara Seri Maharaja tetap berdegil dengan keputusannya itu, tanpa rasa bersalah atau takut kemurkaan Sultan. Bahkan lebih teruk lagi beliau telah menjemput Sultan Mahmud hadir ke majlis perkahwinan Tun Fatimah. Tindakan Bendahara sememangnya kelihatan seperti sengaja menjatuhkan air muka Sultan, mengaibkannya di hadapan orang ramai dan memperlihatkan sikap derhakanya secara terbuka terhadap Sultannya. Apakah pula reaksi Sultan Mahmud Syah sebagai seorang sultan yang dikatakan berkuasa mutlak terhadap perbuatan Bendahara yang mengaibkan baginda itu? Berdasarkan teks *Sulalat-us-Salatin*, dinyatakan bahawa Sultan Mahmud Syah berasa begitu marah dan menyimpan dendam terhadap Bendahara (*Ibid.*, 256, 261). Namun begitu, pernyataan itu mungkin hanya merupakan tafsiran penulis *Sulalat-us-Salatin* itu sendiri, yang dalam beberapa kes, ternyata begitu memihak kepada Bendahara. Yang kurang ditonjolkan oleh pengkaji ialah setelah dimalukan, diaibkan dan diderhakai sedemikian rupa, tiada

tindakan segera telah diambil oleh Sultan Mahmud Syah terhadap Bendahara Tun Muzahir, kecuali baginda hanya mengundurkan diri dalam keadaan penuh malu dan kecewa. Soalnya, adakah ini menunjukkan sikap sebenarnya Sultan Mahmud, sultan yang dikatakan amat jahat, memerintah secara kuku besi dan berkuasa mutlak itu?

Ternyata daripada peristiwa itu dan pernyataan yang terdapat dalam *Sulalat-us-Salatin*, maka ramai penulis dengan mudahnya telah menuduh Sultan Mahmud menyimpan dendam terhadap Bendahara tanpa menunjukkan sebarang bukti yang jelas, kecuali dikaitkan dengan keburukan yang pernah dilakukannya. Dendam itu dikatakan dibalas melalui tindakan baginda menjatuhkan hukuman mati terhadap Bendahara Tun Muzahir kemudiannya (Muhammad Yusoff, 1989, p. 45). Persoalannya, bagaimanakah para penulis tersebut boleh mengaitkan dendam Sultan Mahmud itu dengan hukuman mati terhadap Bendahara Tun Muzahir sedangkan hukuman itu hanya dilaksanakan hampir setahun selepas peristiwa perkahwinan Tun Fatimah? Adakah Sultan Mahmud sebagai sultan yang zalim, berkuasa mutlak dan boleh berbuat apa sahaja itu perlu menunggu masa yang begitu lama untuk melunaskan dendamnya itu terhadap Tun Muzahir, hanya kerana menunggu satu masa yang sesuai? Adakah raja berkuasa mutlak dan tirani itu juga perlu mencari satu sebab yang munasabah dalam tindakannya walaupun jelas tindakan Bendahara itu sangat bersalahan pada hukum adat dan kaca mata umum? Atau adakah sebenarnya tuduhan terhadap Sultan Mahmud itu telah dibuat secara prejudis, dangkal, tanpa melihat secara teliti dan kritikal keadaan sebenarnya yang berlaku dan faktor yang lebih kukuh yang mempengaruhi keputusan hukuman mati terhadap Bendahara?

PUNCA JATUHNYA HUKUMAN MATI

Mungkin kerana dipengaruhi oleh pernyataan yang dibuat oleh penulis *Sulalat-us-Salatin* telah mendorong para pengkaji dengan begitu mudah menuduh Sultan Mahmud Syah bertindak menghukum Bendahara Tun Muzahir sekeluarga atas sebab berendam tanpa melihat beberapa fakta yang mungkin menjadi dorongan sebenar kepada hukuman mati itu. Pertamanya, hukuman mati dijatuhkan kerana wujudnya laporan yang disampaikan oleh Laksamana Melaka pada ketika itu, iaitu Khoja Husain (menantu Hang Tuah). Khoja Husain membuat laporan kepada Sultan Mahmud bahawa Bendahara Tun Muzahir mempunyai rancangan untuk menjatuhkan baginda dan merampas takhta (Abdul Rahman, 2010, p. 261). Berdasarkan penjelasan yang terdapat dalam teks *Sulalat-us-Salatin*, dapat dirumuskan bahawa hukuman mati yang dilaksanakan terhadap Bendahara Tun Muzahir atas alasan mahu merampas kuasa sebenarnya ada kemunasabahnya

dan bersebab. Hal ini berpunca daripada sikap dan gaya kepimpinan yang korup, bermewah-mewah dan bermegah-megah yang diamalkan oleh Bendahara, bahkan sikapnya yang tidak menghormati sultan, berlagak melebihi taraf seorang raja yang tidak pernah ditunjukkan oleh Bendahara lain sebelumnya. Dengan begitu banyak tindakannya yang mencerminkan sikapnya yang tidak menghormati raja dan lagaknya yang seolah-olah setaraf sultan pada ketika itu, maka apakah berita yang disampaikan oleh Laksamana Khoja Husain itu tidak boleh dipandang serius atau diterima sebagai sesuatu yang betul atau munasabah? Lagipun sejarah menunjukkan keturunan Tun Muzahir merupakan pencetus peristiwa pertama kudeta dalam istana Melaka yang membawa kepada pembunuhan Raja Melaka yang keempat (Abdul Rahman, 2010, pp. 131-135). Begitu juga timbul persoalan pada pembesar mana lagi yang boleh diperoleh nasihat dan harus diletakkan kepercayaan oleh Sultan Mahmud, sedangkan yang menyampaikan berita itu ialah Laksamana Melaka sendiri, manakala Bendahara dan pembesar-pembesar utama yang lain pula ialah pihak yang dituduh bersyarikat dan merupakan ahli keluarga Bendahara?

Mungkin juga boleh dikatakan bahawa “Tun Muzahir yang tidak berdosa”(ayat Cheah Boon Kheng sebelum ini) itulah sebenarnya yang menerima “balasan Tuhan” atas perbuatannya sendiri yang bersalah. Hukuman mati itu bermula daripada perbuatannya sendiri yang suka menerima rasuah, sehingga menyebabkan timbulnya “fitnah” dan memakan dirinya. Hal ini bermula daripada pertelingkahan yang melibatkan dua orang Tamil, iaitu Raja Mendaliar dan Nina Sura Dewana yang dikendalikannya sebagai seorang hakim. Pedagang asing itu begitu licik memanipulasi Bendahara Tun Mutahir dengan mempergunakan kelemahannya dengan memberikan sogokan untuk mencapai matlamat mereka. Tun Muzahir sendiri sanggup menerima rasuah daripada Nina Sura Dewana yang berharap untuk menang dalam kes penghakiman beliau menentang Raja Mendaliar. Sebaliknya seorang lagi Tamil, iaitu Si Kitul yang mempunyai ikatan keluarga dengan Nina Sura Dewana pula bertindak mengambil kesempatan daripada pertelingkahan kedua-dua pedagang itu untuk melangsaikan hutang beliau terhadap Raja Mendaliar dengan membuat fitnah terhadap ahli keluarganya sendiri. Dalam usaha untuk melangsaikan hutang, Si Kitul sedia mengacum kemarahan Raja Mendaliar dengan mendedahkan bahawa:

‘...Malam tadi Nina Sura Dewana, persembahkan sepuluh kati emas, hendak menyuruh bunuh tuan hamba; akan sekarang Datuk Bendahara telah sebicaralah dengan Nina Sura Dewana, tuan hamba hendak dikerjakannya...’

(Haron, 1989, p. 241; Abdul Rahman, 2010, pp. 259-260)

Mendengar perkhabaran tersebut, Raja Mendaliar yang berasa dirinya terancam telah membuat fitnah pula terhadap Bendahara Tun Muzahir melalui Laksamana Khoja Husain, dengan merasuah pula Laksamana itu untuk menyampaikan berita bahawa Bendahara Tun Muzahir ingin memberontak menentang sultan.

Sahaya mengadap orang kaya ini, sahaya berlepas taksir, supaya jangan sahaya dikatakan orang sebicara dengan penghulu sahaya; kerana telah sahaya ketahui bahawa Datuk Bendahara hendak derhaka. Orang kaya persembahkanlah ke bawah Duli Yang Dipertuan, sudah ia berbuat takhta kerajaan, menempa ciu emas; kasad hendak naik raja dalam negeri Melaka ...

(Abdul Rahman, 2010, pp. 260-261)

Kemuncak daripada pertelingkahan para pedagang asing dan manipulasi kuasa dalam istana Melaka menjadi lengkap dengan sampainya berita yang dibawa oleh Laksamana Khoja Husain kepada Sultan Mahmud Syah, yang seterusnya membawa kepada terlaksananya hukuman mati terhadap Bendahara Tun Muzahir sekeluarga. Dalam menggambarkan kelemahan sikap Tun Muzahir tersebut, seorang pengkaji menjelaskan bahawa sebenarnya Tun Muzahirlah punca yang membawa kepada jatuhnya hukuman mati tersebut:

Disiplin yang ia pelajari daripada Bendahara Paduka Raja tidak kekal dihormatinya. Dapat dikatakan yang ia telah mabuk dengan kekayaan, dan kerana itu ia terlalu mensia-siakan hartanya. Di samping itu mudah juga ia mengambil apa jua harta yang diberi oleh orang kepadanya, tanpa memikirkan akibatnya. Sesungguhnya penerimaannya terhadap pemberian Nina Sura Dewana membawa ia ke ambang kecelakaan dirinya. Ini tidak pula terpisah dari perhubungannya yang kurang baik dengan Sultan Mahmud yang berpunca daripada tindakan Bendahara mengahwinkan anaknya Tun Fatimah dengan Tun Ali. Faktor-faktor yang kait mengait ini berakhir dengan satu tragedi pembunuhan Bendahara Sri Maharaja yang mengakibatkan seterusnya kejatuhan Melaka.¹¹

Seorang lagi pengkaji pula menjelaskan bahawa pihak yang sebenarnya bertanggungjawab terhadap kematian Bendahara Tun Muzahir bukanlah Sultan Mahmud, tetapi individu tertentu yang mengambil kesempatan atau menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka bagi manfaat diri sendiri. Walaupun ramai pengkaji mengaitkan konflik tersebut dengan gejala “feudalisme Melayu” dan konsep “raja berkuasa mutlak”, namun pada hakikatnya bagi sesetengah pengkaji lebih merupakan konflik peribadi yang melibatkan persaingan dan pertelingkahan

antara sesama kelompok Tamil yang berpengaruh di Melaka, melibatkan beberapa individu berkepentingan seperti Raja Mendaliar, Nina Sura Dewana, Si Kitul, dengan Laksamana Khoja Husain dan Bendahara Tun Muzahir yang menguasai kepemimpinan politik Melaka pada ketika itu menjadi alatnya, sedangkan Sultan Mahmud Syah pula hanya menjadi mangsa keadaan, dipergunakan, diseret atau dihasut untuk melengkapkan episod perseteruan tersebut (Haron, 2008, p. 66).

Kedua, kita juga tidak boleh memandang remeh tentang sebab kenapa hukuman mati dilaksanakan terhadap keluarga Bendahara Tun Muzahir, sama ada kerana berpunca daripada dendam disebabkan perkahwinan Tun Fatimah-Tun Ali atau sememangnya wujud rancangan penderhakaan oleh Bendahara Tun Muzahir terhadap Sultan Melaka ketika itu. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, tuduhan ingin menderhaka dan memberontak yang dibawa oleh Laksamana Khoja Husain terhadap Bendahara Tun Muzahir bukannya tidak boleh dipertahankan walaupun para pengkaji tidak menonjolkan aspek ini sebagai penyebab sebenar hukuman mati tersebut. Selain sikap dan kelakuan Bendahara Tun Muzahir itu sendiri yang agak keterlaluan, terdapat bukti yang dikemukakan oleh sumber Portugis tentang beberapa pihak yang berkomplot dengan Bendahara Tun Muzahir bukan sahaja untuk merampas kuasa, bahkan untuk membunuh Sultan Mahmud. Catatan Afonso Dalbuquerque misalnya menjelaskan tentang kisah pemburuannya terhadap seorang individu yang bernama Nahkodabeuga/Nahodabeguea (Nakhoda Benggali) yang dikatakan telah melarikan diri ke negeri *Pacé* (Pasai?), sebuah pelabuhan di timur Pedir setelah hukuman mati dijatuhkan oleh Sultan Mahmud Syah terhadap Bendahara Tun Muzahir (Afonso Brás de Dalboquerque, 1875, 59; M. J. Pintado, 1993, p. 89). Tindakan melarikan diri oleh Nakodabeuga dilakukan kerana beliau dikatakan takut komplotnya dengan Bendahara Tun Muzahir untuk membunuh Sultan Mahmud dan merampas takhta diketahui Sultan Melaka itu. Pada masa yang sama, individu yang disebut sebagai *Nakodabeuga* itu juga diburu oleh pihak Portugis kerana beliau merupakan antara pihak yang didakwa memainkan peranan mengacum pemerintah Melaka agar mengambil tindakan menyerang pedagang Portugis di Melaka pada 1509 (*Ibid.*, 59-60).

Sejauh manakah pernyataan daripada sumber Portugis itu boleh dipercayai atau tidak, tidaklah dapat dipastikan. Namun begitu, sesetengah pengkaji percaya memang wujud rancangan rampasan kuasa.¹² Paling tidak, laporan Laksamana Khoja Husain itu dibuat dalam keadaan yang benar-benar meyakinkan sehingga telah mempengaruhi keputusan Sultan Mahmud Syah. Seperti dipersoalkan sebelum ini, dalam keadaan beberapa pembesar utama Melaka yang merupakan ahli keluarga Tun Muzahir, iaitu Bendahara (Seri Maharaja Tun Muzahir), Penghulu Bendahari

(Seri Nara Aldiraja Tun Tahir) dan Temenggung (Tun Hassan) dituduh sebagai pihak yang terlibat dalam rancangan pemberontakan oleh Laksamana Melaka sendiri, maka pada siapa lagi Sultan Mahmud harus meletakkan kepercayaannya? Apapun dari segi amalan politik, sebagai penerima rasuah yang mencipta banyak fitnah dan keburukan dalam pemerintahan Melaka, Bendahara Tun Muzahir sememangnya wajar dihukum bahkan sejak awal lagi kerana melakukan kesalahan besar yang boleh menimbulkan bahaya kepada perpaduan dan keselamatan Melaka. Menurut Abdul Rahman Haji Ismail, apa yang dilakukan oleh Sultan Mahmud, walaupun kelihatan seperti terburu-buru dan tidak bijak, tetapi adalah sesuai atau bertepatan dengan amalan perundangan dan keadaan semasa yang wujud pada ketika itu (Abdul Rahman, 1993, p. 39). Jika hukuman berat dijatuhkan terhadap kesalahan kecil, inikan pula kesalahan yang amat besar yang dianggap jenayah terhadap bangsa dan negara. Oleh itu, tindakan Sultan Mahmud wajar dilihat dalam konteks yang wujud pada masa itu. Baginda telah bertindak mengikut hukum yang sepatutnya, bukannya bertindak sesuka hati dan tiada usul periksa seperti yang didakwa oleh sesetengah pengkaji sebelum ini.

Ketiga, timbul juga persoalan sejauh manakah hukuman mati yang dikenakan terhadap Bendahara dan ahli keluarganya itu telah menjadi punca sebenar yang membawa kepada kejatuhan Melaka? Walaupun sesetengah pandangan menjelaskan hukuman mati terhadap Bendahara dan keluarganya telah melemahkan struktur politik Melaka dan membuka peluang kepada serangan Portugis (Abdul Rahman, 2008, p. 29), tetapi dari satu segi yang lain, tindakan Sultan Mahmud juga boleh dilihat sebagai satu proses penyucian yang boleh mengukuhkan lagi kedudukan politik Melaka. Hukuman keras terhadap mereka yang menyalahgunakan kuasa dan melakukan rasuah merupakan tindakan yang perlu dilakukan bagi membanteras anasir yang boleh mewujudkan perpecahan dan kerosakan terhadap seluruh sistem politik dan perpaduan Melaka. Membiarkan sahaja rasuah itu berlaku tanpa diambil sebarang tindakan tegas akan menonjolkan kelemahan sebenar pemerintahan Melaka. Sejarah tetap akan menyalahkan Sultan Mahmud jika membiarkan rasuah dan pelaku rasuah itu semakin berleluasa, apatah lagi jika perlakuan ini membawa kepada kehancuran Melaka. Oleh itu, Sultan Mahmud sama ada secara sedar atau tidak sebenarnya telah bertindak sewajarnya menyelamatkan kerajaannya daripada anasir “subversif” akibat gejala tamak, rasuah dan adu domba yang menguasai para pedagang dan pemerintah Melaka pada ketika itu. Proses ini bukanlah perkara yang tidak pernah berlaku sebelum mahupun selepas kejatuhan Melaka (L. Y. Andaya, B. W. Andaya 1982, pp. 143-144).

Walaupun tidak dinafikan akibat hukuman mati yang dilaksanakan terhadap keluarga Bendahara Tun Muzahir menyebabkan wujudnya kekosongan kuasa yang sedikit sebanyak mengganggu kemampuan Melaka menghadapi serangan Portugis pada 1511, tetapi jelas hukuman itu bukanlah penyebab sebenar yang menjadi faktor kejatuhan Kota Melaka. Oleh sebab hukuman itu berlaku berdekatan dengan tarikh kehadiran dan serangan Portugis terhadap Melaka, maka hal ini telah mendorong para pengkaji mengaitkan kejatuhan Melaka dengan keputusan Sultan Mahmud ketika itu, walaupun kaitannya hanya wujud secara tidak langsung. Yang ketara, kecenderungan para pengkaji menyalahkan “kejahatan” Sultan Mahmud sebagai punca utama kejatuhan Melaka telah menyebabkan mereka mengesampingkan faktor lain yang mempunyai kaitan yang jauh lebih jelas dan langsung, antaranya termasuklah manipulasi serta pengkhianatan anasir asing di Melaka semasa serangan Portugis.

PEMBELOTAN ORANG ASING DAN SUMBANGANNYA TERHADAP KEJATUHAN MELAKA

Tidak dapat dinafikan hukuman mati yang dijatuhkan terhadap Bendahara Tun Muzahir sekeluarga (dan juga hukuman terhadap pembesar lain sebelumnya) telah memberikan kesan tertentu terhadap keutuhan politik Melaka. Dengan kehilangan beberapa tonggak utama kepimpinan negara, termasuklah juga Sultan Mahmud Syah sendiri yang akhirnya melepaskan takhtanya setelah mempercayai berita disampaikan oleh Laksamana Khoja Husain itu merupakan satu fitnah, maka Melaka benar-benar menghadapi satu tempoh kekosongan kuasa yang sedikit sebanyak membuka peluang kepada Portugis untuk mencapai kejayaan dalam kempen penaklukannya. Hal ini diakui oleh Abdul Rahman (2008, p. 29) yang menyatakan;

Selepas peristiwa itu [hukuman mati terhadap Tun Muzahir dan keluarga] tercetuslah kemelut dalaman politik Kesultanan Melayu Melaka yang menjerumuskan kepimpinannya ke tahap terlemah dalam sejarah. Tunjang kekuatan Melaka tiba-tiba rebah apabila semua peneraju utamanya sama ada dibunuh, dipecat atau mengundurkan diri. Peristiwa yang berlaku pada akhir tahun 1510 itu menyebabkan tiga tonggak utama kekuatan Melaka, iaitu Bendahara (Seri Maharaja Tun Muzahir), Penghulu Bendahari (Seri Nara Aldiraja Tun Zahir) dan Temenggung (Tun Hassan) mati dibunuh; Laksamana (Khoja Husain) dikembiri dan dipecat; dan Sultan Mahmud Syah sendiri sebagai nadi kuasa, tonggak kedaulatan dan lambang perpaduan negara turun takhta, lalu mengakibatkan kepimpinan Kerajaan Melaka lumpuh, pengurusan negara bercelaru, dan pertahanan kucar kacir. Pada awal Julai

1511 tiba pula angkatan perang Portugis yang lebih besar dalam empat puluh buah kapal, dipimpin oleh Afonso d'Albuquerque. Setelah beberapa pertempuran dan dengan bantuan beberapa pihak termasuk orang asing yang membelot terhadap Kerajaan Melayu Melaka, Portugis akhirnya menguasai istana dan pusat pentadbiran Melaka pada 10 Ogos.

Pandangan Abdul Rahman menjelaskan bahawa Melaka sememangnya menghadapi kehilangan politik yang begitu besar yang pastinya sedikit sebanyak menjejaskan kecekapan pemerintahan dan pertahanannya ketika itu. Persoalan yang harus ditimbulkan bukan sahaja terhadap kewajaran tindakan Sultan Mahmud, tetapi juga kesan sebenar akibat hukuman tersebut. Sejauh manakah pelaksanaan hukuman mati itu benar-benar telah mengakibatkan pemerintahan dan pertahanan Melaka benar-benar menjadi lumpuh, bercelaru dan kucar kacir? Sebenarnya tindakan Sultan Mahmud menjatuhkan hukuman berat terhadap para pembesarnya yang terlibat dengan rasuah dan penyalahgunaan kuasa merupakan tindakan yang sememangnya wajar dan kena pada tempatnya, yakni sebelum Melaka benar-benar ditimpa oleh penyakit perpecahan dan kehancuran akibat gejala negatif itu. Tindakan baginda itu sendiri bukanlah satu bentuk kekejaman sebaliknya merupakan ubat bagi menyembuhkan barah yang semakin teruk menghimpit Melaka. Dengan hukuman itu, Melaka sebenarnya telah dapat melepaskan dirinya daripada belenggu yang akan melemahkan dan menghancurkannya secara jangka panjang jika gejala negatif itu tidak ditangani segera. Menjatuhkan hukuman terhadap mereka yang melakukan kesalahan rasuah yang membahayakan dan merosakkan negara merupakan tindakan yang harus dilihat untuk memperkuat negara tersebut dan bukan sebaliknya. Bahkan Melaka tidak akan menjadi semakin kuat menghadapi Portugis sekiranya sultan hanya membiarkan sahaja semua pihak tersebut melakukan apa-apa sahaja yang mereka mahukan demi keuntungan dan kepentingan peribadi mereka.

Malah, dari satu segi dan secara jangka panjang, tindakan Sultan Mahmud menjatuhkan hukuman berat terhadap pesalah, walaupun terdiri daripada ahli keluarga dan para pembesarnya sendiri, menggambarkan ketegasan sultan itu yang pastinya akan dapat menyucikan dan menyembuhkan semula kekuatan politik Melaka. Walaupun Melaka terpaksa kehilangan beberapa teraju kepimpinan utamanya, namun kepimpinan masih boleh diganti dengan yang lebih baik secara jangka panjang dan memenuhi kekosongan yang ada.¹³ Tindakan Sultan Mahmud itu sendiri tidaklah meninggalkan kesan yang sebegitu buruk dan menimbulkan perpecahan besar dalam politik Melaka. Proses penyucian politik yang menyaksikan tersingkirnya elemen yang melemahkan pentadbiran Melaka hanya melibatkan

pertembungan sekumpulan elit politik yang kecil dan tidak menjejaskan seluruh kehidupan bermasyarakat dan berkerajaan. Rakyat dan para pembesar umumnya masih setia dan patuh kepada Sultan yang memerintah. Kerajaan Melaka juga masih kekal stabil dan tidak ada sebarang pemberontakan berlaku terhadap kerajaan atau pemerintah sama ada oleh rakyat setempat mahupun rakyat di tanah jajahannya.

Jika dikaji dengan teliti, proses penyucian politik itu telah dilaksanakan dengan begitu lancar. Namun begitu, nasib Melaka agak malang kerana pada ketika proses penyucian politik itu sedang berlaku, kuasa Portugis muncul pada ketika yang paling sesuai untuk melancarkan serangan dan menjatuhkan Kota Melaka. Kehadiran kuasa Portugis yang tepat pada masanya itu bukan berlaku secara kebetulan. Laporan telah pun dihantar dari dalam Melaka khususnya oleh orang Portugis yang ditahan di Melaka dan sumber daripada pedagang asing yang membelot yang menceritakan kepada Portugis bukan sahaja tentang wujudnya kekosongan politik di Melaka, bahkan yang paling penting, kesediaan orang asing di Melaka untuk membelot dan membantu Portugis untuk menjayakan penaklukannya itu.¹⁴ Jadi, tindakan pengkhianatan orang asing di Melaka sebenarnya memainkan peranan jauh lebih signifikan kerana membolehkan Portugis membuat keputusan dan mengambil kesempatan masa yang paling sesuai untuk melancarkan serangan terhadap Kota Melaka.

Proses penyucian politik itu sendiri bukanlah merupakan penyebab kejatuhan Kota Melaka kerana sangat jelas walaupun Melaka mungkin menjadi lemah akibat ketidaktentuan yang berlaku, dan gagal mencari ganti pentadbir yang lebih baik, namun Melaka tidak terjejas sama sekali tanpa adanya serangan Portugis yang datang tepat pada masanya. Bukti yang dapat menjelaskan bahawa Melaka masih kuat walaupun selepas melalui proses penyucian politik tersebut dapat ditunjukkan melalui kemampuan Melaka mengumpulkan angkatan perang yang besar untuk berperang dengan kerajaan Aru, di samping kejayaan Melaka mempertahankan diri daripada beberapa serangan Portugis sehinggalah pada 10 Ogos 1511. Sekitar bulan tersebut, pihak Portugis mula mendapat bantuan yang signifikan daripada pelbagai segi daripada pihak asing di Melaka yang berpaling tadah, dan kemudiannya askar-askar upahan asing Melaka mula meninggalkan pertahanan Melaka. Tanpa pengkhianatan mereka, kemungkinan besar serangan Portugis tidak akan berjaya atau sekurang-kurangnya Kota Melaka yang dipertahankan oleh “20 ribu askar dan 2000 senjata”¹⁵ itu tidak akan dapat ditakluki dengan begitu mudah.

Tuntasnya, dalam kajian tentang kejatuhan Kota Melaka, terdapat beberapa faktor penting yang telah dipinggirkan, yang jelas memainkan peranan secara langsung dan paling utama untuk memastikan runtuhnya kubu pertahanan Kota Melaka. Selain kerosakan dalaman akibat wujudnya penyalahgunaan kuasa oleh segelintir

pemerintah Melaka yang dijelaskan sebelum ini, satu lagi faktor paling penting yang sewajarnya lebih difokuskan oleh pengkaji dalam perbincangan mereka, iaitu pengkhianatan orang asing yang turut mempunyai kaitan dengan penyalahgunaan kuasa dari dalam istana Melaka itu. Peranan unsur asing dalam konteks kejatuhan Kota Melaka adalah begitu jelas dan menyeluruh. Pengkhianatan secara besar-besaran melibatkan pelbagai pihak “sekutu Melaka”, yang diakui oleh sumber Portugis sendiri, memainkan peranan berkesan membantu Portugis memecahbelahkan pertahanan Melaka. Oleh itu, amatlah menghairankan jika faktor yang sebegitu penting dan berperanan secara langsung itu dipinggirkan atau dianggap sampingan hanya kerana para pengkaji lebih bertumpu pada faktor kelemahan dan kezaliman Sultan Mahmud Syah yang mempunyai kaitan secara tidak langsung sahaja dengan kejatuhan Kota Melaka.

Pengkhianatan terhadap Melaka melibatkan beberapa individu dan pelbagai kelompok asing yang besar. Kebanyakan pedagang melakukan pengkhianatan terhadap Melaka dengan pelbagai bentuk dan cara, umumnya disebabkan oleh ketidakpuasan hati mereka terhadap soal cukai, serta ketamakan dan persaingan sesama sendiri untuk merebut kekayaan Melaka. Dalam proses mengejar keuntungan dan menjatuhkan para pesaing, mereka bertindak menikam Melaka dari belakang kerana tidak pernah menganggap Melaka sebahagian daripada diri mereka, atau berasa terhutang budi dengan nikmat yang mereka peroleh daripadanya. Antara beberapa kelompok orang asing yang ketara memainkan peranan mengkhianati Melaka ialah para saudagar dari negara India, China, Burma dan Jawa, serta beberapa individu yang tertentu yang berasal dari negara tersebut. Misalnya peranan para pedagang dari India, khususnya para pedagang Tamil dan Tamil-Muslim dari Gujerat yang mempunyai hubungan rapat dengan Bendahara Tun Muzahir, adalah begitu ketara sekali. Mereka menggunakan sepenuhnya kesempatan kelemahan pemerintahan Bendahara Tun Muzahir untuk membolot keuntungan dan meracuni pentadbiran Melaka dengan gejala rasuah. Sikap mereka yang memanipulasi kelemahan Bendahara Tun Muzahir membolehkan mereka memonopoli kegiatan perdagangan dan mendapat layanan lebih istimewa berbanding dengan para pedagang lain sehingga wujud diskriminasi dari segi layanan, ketidakadilan terhadap cukai dan seterusnya perasaan cemburu para pedagang berlainan bangsa.¹⁶

Sikap tamak para pedagang khususnya dari Gujerat turut menjadi punca teretusnya konflik dan pertembungan Melaka-Portugis yang mengakibatkan kejatuhan kota perdagangan itu. Mereka merupakan pihak yang mula-mula sekali mendesak, mengacum, mempengaruhi dan merasuah pemerintah Melaka agar mengambil tindakan menyerang “para pedagang” Portugis pada tahun 1509, hanya

disebabkan wujudnya perasaan iri hati terhadap kehadiran Portugis yang dirasakan bakal menggugat kepentingan perdagangan mereka.¹⁷ Mereka juga adalah antara pihak yang menggesa pemerintah Melaka agar tidak sesekali berdiplomasi dengan Portugis ketika armada perang Portugis sampai di Melaka pada 1511 dan cuba mengadakan rundingan dengan pemerintah Melaka.

Dengan meyakinkan Sultan Mahmud Syah dan kepimpinan Melaka bahawa Melaka lebih kuat dan mampu mengalahkan Portugis, kedudukan Portugal yang jauh serta janji bahawa peperangan dengan Portugis akan mendapat sokongan padu para pedagang di Melaka, maka mereka telah memainkan peranan penting mempengaruhi keputusan Melaka, bermula dengan konflik hinggalah berperang dengan Portugis pada 1511. Namun begitu, desakan dan janji para pedagang asing itu hanyalah demi memastikan keuntungan ekonomi dan kekayaan perdagangan Melaka kekal di tangan mereka. Mereka bersedia menukar pendirian dan kesetiaan jika hal tersebut membawa kerugian kepada mereka. Sewaktu Portugis bersiap untuk melancarkan serangan kedua terhadap Kota Melaka pada 1511, kelompok para pedagang Gujerat yang menerima ugutan secara langsung daripada Afonso terhadap kepentingan perdagangan mereka di Kota Melaka telah menukar sikap mereka, berpaling daripada menyokong tindakan kekerasan kepada memujuk dan mendesak supaya pemerintah Melaka agar tidak meneruskan lagi perang dan cuba berdamai dengan pihak Portugis (Afonso Brás de Dalboquerque 1875, 110; Pintado 1993, 171). Sikap mereka ini telah menimbulkan kemurkaan Sultan Mahmud Syah yang memutuskan untuk terus mengekalkan keputusan berperang, di samping mengkritik para pedagang tersebut yang beberapa hari sebelumnya telah memberi nasihat bertentangan kepada baginda.

Selain kelompok atau bangsa pedagang asing, pemimpin atau individu tertentu juga memainkan peranan yang penting dalam peristiwa kejatuhan Kota Melaka, sama ada melibatkan mereka yang beragama Islam mahupun bukan Islam. Abdul Rahman Haji Ismail dalam tulisannya menyatakan bahawa walaupun tidak menegaskan tentang pengkhianatan yang dilakukan oleh orang asing sebagai punca kekalahan Melaka, namun *Sulalat-us-Salatin* sendiri telah mencatatkan tentang peranan watak tiga orang “Keling” – Raja Mendaliar (berjawatan Syahbandar), Nina Sura Dewana (yang disebut sebagai “kepala” segala saudagar) dan Kitul (Abdul Rahman, 2008, p. 37) – semuanya merupakan individu yang mempunyai hubungan rapat dengan Bendahara Melaka dan mengambil kesempatan atas kelemahannya untuk memanipulasi kedudukan politik Melaka. Bahkan mereka merupakan individu yang bertanggungjawab dan menjadi punca “fitnah” terhadap Bendahara sehingga membawa kepada hukuman mati dan kerosakan terhadap pentadbiran Melaka.

Dalam memperjelas sikap dan kelakuan mereka yang amat besar pengaruhnya terhadap kelemahan pentadbiran Melaka, Abdul Rahman menyebut:

Soal harta, hutang-piutang dan amalan rasuah (“sorong”) nampaknya berleluasa dalam kalangan pembesar Melaka termasuk Bendahara di tengah-tengah kehadiran ramai orang asing yang giat mencari untung dan mencampuri urusan para pembesar Melaka. Akibatnya, suasana kemakmuran yang tidak terkawal ini telah menjerumuskan Melaka ke jurang kemusnahan dan kegagalan menghadapi serangan Portugis pada 1511 (*Ibid.*).

Selain tiga watak tersebut, terdapat ramai lagi individu yang memainkan peranan penting dalam menjayakan kempen serangan Portugis. Antaranya termasuklah Naina Chatu, seorang saudagar Hindu kaya yang mungkin dapat dijadikan contoh jelas tentang pengkhianatan orang asing terhadap Melaka. Beliau yang memperoleh kekayaan hasil daripada kegiatan perdagangan yang menguntungkan di Melaka, mahu memperoleh keuntungan yang jauh lebih besar dengan mengkhianati Melaka sejak dari awal lagi. Dengan pengetahuannya tentang kemungkinan kemaraan Portugis ke Melaka setelah berjaya menguasai sebahagian negara India, Naina Chatu cuba mengambil kesempatan untuk mewujudkan hubungan baik dengan Portugis dengan menggunakan kesempatan penahanan Ruy de Araujo di Melaka sebagai jalan untuk menonjolkan sikap setia dan menyokong Portugis (Luis Filipe F. R. T., 1991, bab 3).

Naina Chatu telah melakukan pembelotan yang begitu besar terhadap Melaka dengan melaksanakan tiga peranan yang dapat merealisasikan kejayaan serangan Portugis di Melaka. Pertama, demi perancangan masa depan dan menjangkakan Portugis, yang telah diketahui menakluki Goa dan pastinya akan menguasai Melaka, Naina Chatu telah mengambil kesempatan untuk melayan tawanan Portugis dengan sebaik mungkin dan dalam usahanya itu, telah menggunakan sepenuhnya kedudukannya dan kekayaannya untuk merasuah pihak berkuasa di Melaka termasuklah Bendahara Tun Muzahir sendiri. Naina Chatu sememangnya seorang yang begitu pandai memainkan peranan talam dua muka. Dalam usaha memastikan kedudukannya dapat dilindungi, dan serangan Melaka dapat dijayakan, beliau berlagak ikhlas menolong Melaka dengan menasihati dan meyakinkan pemerintah Melaka, terutamanya Bendahara Tun Muzahir, supaya melepaskan sahaja Ruy de Araujo dan juga tawanan Portugis lain yang ditangkap pada 1509 untuk membuka peluang kepada jalan diplomasi antara kedua-dua pihak (Afonso Brás de Dalboquerque, 1875, p. 45; Pintado, 1993, p. 135). Hakikatnya, tujuan sebenar Naina Chatu berbuat demikian adalah untuk menguatkan lagi jentera serangan Portugis terhadap Melaka memandangkan banyak rahsia kelemahan Kota Melaka telahpun didedahkan oleh beliau kepada Ruy de Araujo.

Naina Chatu juga mengetahui sejak awal tujuan sebenar kedatangan Portugis ke Melaka. Dalam usahanya menjayakan serangan Portugis, beliau cuba meyakinkan pemerintah Melaka bahawa Portugis hanya datang untuk membebaskan orangnya yang ditawan di Melaka dan tidak mempunyai niat lain selain itu. Naina Chatu dapat meyakinkan Tun Muzahir agar membebaskan sahaja tawanan Portugis dan mengelakkan peperangan. Naina Chatu juga berharap dengan pembebasan tersebut, berita tentang kebaikannya terhadap tawanan itu akan sampai juga ke telinga Afonso dan dengan itu, beliau akan mendapat balasan sewajarnya daripada pihak Portugis (*ibid.*). Dalam usaha pembebasan itu, Naina Chatu juga telah memberi rasuah kepada Bendahara Melaka untuk melepaskan banduan Portugis tersebut. Tindakan Naina Chatu dari satu segi telah menimbulkan kekeliruan kepada pemerintah Melaka yang menganggap tujuan utama kedatangan Portugis hanyalah untuk mendapatkan semula orangnya daripada tahanan Melaka, oleh itu Melaka telah pun membebaskan tahanan Portugis. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut memakan diri. Kini pihak Portugis tidak lagi teragak-agak untuk menyerang Melaka.

Kedua, beliau juga bertindak menjadi orang tengah yang menyebarkan maklumat tentang kubu pertahanan Melaka dan kelemahan pentadbiran Melaka serta kesediaan pedagang asing bekerjasama bagi membolehkan pihak Portugis menyusun serangan pada masanya yang paling tepat dan sesuai. Pada masa yang sama, Naina Chatu, dengan kerjasama seorang lagi saudagar India bernama Abdallah (*Ibid.*, 46-47; Pintado, 1993, 137) turut membantu Portugis dengan menyeludup surat tawanan Portugis di Melaka untuk dihantar kepada Afonso Dalboquerque di India. Surat tersebut mengandungi laporan daripada Ruy de Araujo yang meminta Afonso melancarkan serangan segera terhadap Melaka (*Ibid.*, 46-48). Kerajaan Melaka pada ketika itu, menurut laporan de Araujo, sedang memperkuat angkatan dan kelengkapan perangnya setelah mengetahui kemenangan Portugis di Goa. Selain itu, laporan juga menyebut bahawa wujud keadaan tegang di Kota Melaka kerana para pedagang asing dan wilayah di bawah jajahan Melaka dikatakan telah bersedia untuk bangkit menentang Melaka kerana kononnya benci dengan kekejaman, ketidakadilan serta pemerintahan yang tidak popular Bendahara Melaka (*ibid.*, p. 46).

Pendek kata, peranan Naina Chatu amat besar kerana beliau terlibat secara langsung dalam proses penaklukan Portugis terhadap Kota Melaka. Melalui peranannya itu, Naina Chatu bukan sahaja telah menyalurkan maklumat tentang pertahanan Melaka kepada Portugis, bahkan beliau juga telah memujuk pihak Portugis agar tidak sesekali melaksanakan dasar diplomasi sebaliknya terus sahaja menyerang Melaka demi memastikan tercapainya rancangannya untuk mencari laba dan menyingkirkan pedagang Gujerat daripada penguasaan di istana Melaka. Pengkhianatan Naina Chatu

ini dijelaskan oleh seorang ahli sejarah Portugis Paulo Jorge de Sousa Pinto (2013, p. 70) seperti berikut:

... the Chinese and Hindu merchants were the main source of information. These, namely a Hindu Keling from the Coromandel Coast called Nina Chatu who was his advisor on this issue were certainly interested in persuading the Governor to solve the conflict with the Sultan by force, for it would allow them to supersede the Gujarati community that was dominant in the sultanate.

Sebagai balasan atas semua bentuk pembelotannya itu, de Araujo melalui suratnya kepada Afonso telah meminta Afonso memberikan perlindungan dan layanan istimewa kepada Naina Chatu. Sumbangan Naina Chatu membantu Portugis mengalahkan Melaka terbukti amat besar kerana sewaktu berlakunya serangan Portugis ke atas Kota Melaka yang menyaksikan pembunuhan besar-besaran dan rumah-rumah penduduk Melaka telah dibakar serta dimusnahkan, serangan itu tidak pula dilakukan terhadap rumah Naina Chatu. Dikatakan Naina Chatu telah pun diberikan satu bendera oleh pihak Portugis untuk dipasang di hadapan rumahnya supaya apabila orang Portugis menyerang bandar Melaka, keselamatan beliau seperti yang dijanjikan oleh de Araujo dapat dipastikan (Afonso Brás de Dalboquerque 1875, 74). Ternyata pengkhianatan Naina Chatu itu sangat berbaloi kerana setelah Portugis berjaya menakluki Melaka, beliau telah dianugerahi dengan pangkat dan kedudukan penting sebagai seorang pembesar utama Melaka (Bendahara) di bawah pentadbiran Portugis (Luis Filipe F. R. T 1991, bab 3).

Seorang lagi individu yang tidak kurang penting peranannya melakukan pembelotan terhadap Melaka semasa serangan Portugis ialah Utimuturaja. Beliau merupakan seorang pemimpin Jawa yang tinggal di Melaka (Upe) dan dikatakan oleh sumber Portugis sebagai seorang yang amat kaya hasil kegiatan perdagangan di Melaka dan mempunyai begitu ramai pengikut (sekitar 5000 hingga 6000 orang hamba), sebahagian besarnya berkhidmat sebagai askar upahan Melaka. Catatan Afonso sendiri menjelaskan tentang pengkhianatan Utimuturaja, yang turut memainkan peranan sebagai seorang pemimpin “talam dua muka”. Utimuturaja telah mengambil kesempatan tekanan Portugis terhadap Melaka untuk mendesak pemerintah Melaka agar membayar upah kepada askar-askar Jawa yang tertanggung dan juga menuntut bayaran upah tiga bulan ke hadapan untuk khidmat mereka sebagai askar upahan. Sultan Mahmud terpaksa membuat bayaran tersebut memandangkan majoriti askar upahan Jawa “telah tidak berperang seperti biasa” untuk membantu Melaka berbanding khidmat mereka sebelumnya sedangkan peranan mereka adalah amat besar kerana

orang Jawa di bawah Utimuturaja telah diberikan tugas penting untuk mempertahankan sektor mereka di Kota Melaka (Pintado, 1993, pp. 161, 169-171). Namun begitu, pada masa yang sama, demi memastikan kedudukannya, keluarganya dan para pengikutnya terjamin, beliau juga telah mengadakan pakatan secara sulit dengan pihak Portugis dengan menghantar beberapa tanda persahabatan (berupa sandal kayu) kepada Afonso Dalboquerque, "...and secretly begged a safeguard for himself and for all that settlements wherein he lived, declaring that he desired to have peace and friendship with him, and to serve the king of Portugal in all that lay in his power" (Afonso Brás de Dalboquerque 1875, pp. 108-109; Pintado 1993, p. 161). Apabila beliau dikritik oleh pihak Portugis kerana turut memberikan bantuan kepada Melaka, Utimuturaja menjelaskan tindakannya mengarahkan pengikutnya membantu pemerintah Melaka membina benteng pertahanan Melaka adalah sekadar untuk mengaburi dan mengambil hati pemerintah Melaka sahaja. Dengan pengkhianatan itu, walaupun akhirnya beliau tetap diragui dan kemudiannya dibunuh oleh pihak Portugis, namun Utimuturaja telah menyebabkan Afonso mengeluarkan arahan kepada askarnya untuk tidak menyerang dan bertempur dengan pengikut Utimuturaja kerana dengan cara itu, Melaka akan semakin kehilangan sokongan daripada sekutunya (Afonso Brás de Dalboquerque, 1875, p. 110).¹⁸

Satu lagi kelompok yang tidak kurang pentingnya memainkan peranan besar dalam mempengaruhi kejatuhan Kota Melaka ialah para pedagang Cina. Sumber Portugis menjelaskan mereka bertindak mengkhianati Melaka kerana tidak berpuas hati dengan arahan untuk menyediakan kapal bagi menjayakan kempen perang Melaka menentang Aru. Selain itu, mereka juga tidak berpuas hati dengan sistem pentadbiran cukai dan layanan tidak sama rata yang diberikan oleh pemerintah Melaka terhadap para pedagang. Malah, pentadbiran Melaka di bawah kepimpinan Bendahara Melaka juga dilihat lebih mengutamakan para pedagang dari negara India.¹⁹ Mereka amat berharap dengan kejatuhan Kota Melaka ke tangan Portugis akan membolehkan pihak Portugis menghapuskan segala sekatan dalam kegiatan perdagangan Melaka dan memenuhi segala janjinya untuk mewujudkan peluang perdagangan yang lebih menguntungkan kepada para pedagang Cina.

Terdapat tiga peranan utama yang telah dimainkan oleh para pedagang Cina dalam usaha membantu kempen pihak Portugis menakluki Kota Melaka. Pertama, mereka bertindak mengacum pihak Portugis agar tidak menggunakan sebarang langkah diplomasi, sebaliknya membuat keputusan muktamad untuk terus menyerang Melaka. Persekongkolan dan kerjasama para pedagang Cina-Portugis ini telah digambarkan secara jelas oleh Pinto yang mengkaji tentang bentuk hubungan perdagangan Portugis-China di Melaka pada kurun ke-16 dan ke-17. Menurutnya:

The Chinese merchants in Melaka influenced the Portugese governor in his decision to use the force of arms instead of diplomacy to resolve the conflict that opposed him to the Malay sultan. They also played a leading role in the success of Albuquerque's strategy that followed the conquest of the city, not only supporting the assault, but also acting on behalf of the Portuguese in the diplomatic field and providing substantial information about commercial life in the Far East (Afonso Brás de Dalboquerque 1875, pp. 108-113).

(Pinto, 2014, p. 59)

Kedua, mereka juga turut memberikan maklumat tentang kubu pertahanan Melaka dan titik-titik kelemahannya sebagai panduan serangan pihak Portugis. Menurut sumber Portugis, pedagang Cina telah menceritakan kepada Portugis bahawa di dalam Kota Melaka terdapat:

... more than twenty thousand fighting men, Javanese, Persians, and Coraçones men in whom the king reposed the greatest confidence; while of the natives, the king could have as many soldiers as he wished; and he had twenty war elephants, with their castles well armed, and plenty of artillery and arms of every kind, which the Guzarates had bought for him from Cambaya, and as for all other things necessary for the war, he was not in need of anything... (Afonso Brás de Dalboquerque 1875, p. 99).

(Pinto, 2014)

Pedagang Cina juga telah mendedahkan kepada Portugis kelemahan utama Melaka, iaitu pergantungannya kepada bekalan makanan dari luar. Hal ini telah meyakinkan angkatan Portugis bahawa mereka hanya mampu memenangi peperangan tersebut sekiranya dapat menyekat bekalan makanan yang didatangkan ke Melaka dari Jawa.²⁰ Akibatnya, dengan melaksanakan sekatan makanan itulah yang membolehkan askar Portugis mendapatkan makanan sedangkan bagi pihak askar Melaka dan para pedagang yang berpihak kepada Melaka pula mereka terpaksa menghadapi kebuluran yang amat teruk setelah bekalan makanan ke Melaka disekat dan dirampas oleh askar Portugis. Sumber Portugis menjelaskan sekatan bekalan makanan terhadap Kota Melaka telah mengakibatkan ramai orang di pihak Melaka mengalami kebuluran dan terpaksa meninggalkan kubu pertahanan masing-masing bagi merayau mencari apa-apa sahaja yang ada untuk dimakan, sehingga mendedahkan mereka sepenuhnya kepada serangan ganas pihak Portugis (Afonso Brás de Dalboquerque, 1875, p. 125).

Yang ketiga, bantuan oleh para pedagang Cina terhadap Portugis dapat dilihat apabila mereka menawarkan khidmat dengan terlibat secara langsung bersama-

sama Portugis dalam peperangan menentang Melaka, namun ditolak oleh Portugis (Pintado, 1993, p. 161). Walau bagaimanapun, orang Cina sedia menawarkan anak-anak tongkang serta tongkang-tongkang mereka untuk digunakan oleh pihak Portugis selepas diminta oleh Afonso bagi melepasi kubu pertahanan Melaka dan berperang dari dalam kubu Melaka itu sendiri (Pintado, 1993, p. 161; Buyong, 1973, pp. 71-72). Misalnya Afonso Dalboquerque telah menggunakan empat buah tongkang besar milik pedagang Cina yang telah dipersiapkan oleh pemerintah Melaka dengan kelengkapan senjata dalam misi berperang dengan Aru. Catatan Portugis menjelaskan walaupun melalui tindakan tersebut pihak Portugis tidaklah terus berjaya menawan Kota Melaka, tetapi telah mendatangkan kerosakan yang begitu besar kepada kubu pertahanan Melaka dan memberikan kesan psikologi kepada askar dan orang asing yang berperang pada pihak Melaka, sehingga menyebabkan ramai askar upahan Melaka mengikut jejak langkah pedagang Cina untuk berpaling tadah (Afonso Brás de Dalboquerque 1875, pp. xxii-xxv).²¹ Misalnya, askar upahan Melaka terdiri daripada orang Pegu, Jawa dan Cape Camourin telah meninggalkan medan pertempuran tatkala Melaka diserang menjelaskan peri pentingnya faktor pengkhianatan pedagang Cina terhadap kejatuhan Kota Melaka.

Jelasnya, semua tindakan pengkhianatan yang dilakukan oleh para pedagang asing itu amat besar sumbangannya terhadap kejayaan serangan Portugis terhadap Melaka. Pengkhianatan mereka memberikan pukulan secara langsung terhadap kekuatan Melaka berbanding dengan faktor seperti hukuman mati terhadap Tun Muzahir yang rasuah atau kelemahan akhlak Sultan Mahmud. Dalam menjelaskan tentang pengkhianatan secara besar-besaran ini, seorang pengkaji Barat, iaitu Wheatley menyatakan:

Kelemahan pertahanan Melaka bukanlah dari segi peralatan, tetapi terdapat dalam struktur masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai jenis manusia yang berhimpun untuk tujuan-tujuan perdagangan. Selagi Melaka makmur matlamat bersama dan nilai-nilai perdagangan menyatukan kumpulan-kumpulan yang berlainan itu, tetapi apabila perdagangan tergendala dan barang dagangan dirampas, terbakar atau reput di dalam gudang, kumpulan-kumpulan yang berlainan itu mula menyelamatkan diri sendiri.

(Wheatley, 1964, p. 175; Abdul Rahman 2008, p. 38)²²

KESIMPULAN

Perbincangan di atas mendedahkan beberapa kelemahan tafsiran sejarah yang memungkinkan wujudnya salah faham tentang punca sebenar kejatuhan Kota Melaka ke tangan Portugis pada 1511. Dalam membincangkan perihal tersebut, didapati wujud kecenderungan yang begitu jelas dalam kalangan pengkaji, termasuklah ahli sejarah, untuk meletakkan sepenuhnya tanggungjawab dan kesalahan atas kejatuhan Kota Melaka itu hanya pada kepimpinan Sultan Mahmud Syah, terutamanya kerana baginda menjadi sultan terakhir yang memerintah kerajaan Melaka. Dorongan untuk mempersalahkan Sultan Mahmud bukanlah disebabkan adanya bukti kukuh yang dapat mengaitkan keruntuhan Kota Melaka dengan kepimpinannya, sebaliknya berpunca daripada kecenderungan para pengkaji yang melihat kemunduran institusi kesultanan dan sistem politik “feudal” Melayu sebagai asas yang menyebabkan kerajaan Melayu menjadi lemah dan mempengaruhi kepada kejatuhannya.

Dalam kes kejatuhan Kota Melaka ke tangan Portugis, amat jelas bukanlah disebabkan oleh “kejahatan” dan “kefeudalan” Sultan Mahmud, sebaliknya baginda menjadi mangsa pada kerakusan beberapa individu dan kelompok yang mengejar keuntungan dan kuasa. Para pengkaji memperbesar tindakannya menghukum mati Bendahara Tun Muzahir sebagai tindakan zalim yang meruntuhkan Melaka, namun pada hakikatnya tindakan yang dilakukan oleh baginda itu bersebab dan wajar. Dari segi lain, para pengkaji kelihatan terlalu memfokuskan kesan peristiwa hukuman mati yang dijatuhkan terhadap Bendahara Tun Muzahir sebagai punca utama kejatuhan Melaka, namun kajian ini menunjukkan peristiwa tersebut tidaklah mempunyai kaitan secara langsung dengan kejatuhan Kota Melaka. Sebaliknya kajian ini merumuskan punca kejatuhan Kota Melaka ada kaitannya dengan kesan pembelotan yang dilakukan oleh para pedagang asing terhadap Melaka. Kejayaan strategi Portugis misalnya lebih banyak dibantu oleh maklumat yang diberikan oleh pedagang Cina dan India yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang selok-belok pertahanan Melaka dan titik-titik kelemahannya. Melalui peranan merekalah Portugis dapat merancang strategi yang cukup berkesan untuk membolehkan mereka memecahbelahkan dan meruntuhkan kubu pertahanan Melaka yang begitu kuat. Ruy de Araujo sendiri, yang didedahkan dengan pengetahuan yang begitu luas tentang titik-titik kelemahan pertahanan Melaka oleh Naina Chatu, telah memberikan cadangan kepada Afonso untuk menyerang jambatan Sungai Melaka yang penting bukan sahaja untuk memisahkan pusat pertahanan Melaka daripada kawasan yang menempatkan askar-askar upahan dan pedagang asing, tetapi juga menjadi titik

penting yang dapat memastikan bekalan makanan tidak sampai ke Melaka. Tanpa idea itu dan saranan daripada Naina Chatu serta pedagang Cina, serangan Portugis secara terbuka terhadap benteng pertahanan Melaka dikatakan tidak akan dapat merobek dan meruntuhkan kubu pertahanan Melaka itu.

Malah dengan nasihat dan maklumat palsu yang diberikan oleh para pedagang asing kepada pemerintah Melaka mengenai tujuan sebenar Portugis datang ke Melaka telah mengaburi dan mempengaruhi pemerintah Melaka bukan sahaja untuk bertindak membebaskan tahanan Portugis, bahkan berundur dari Kota Melaka dengan kepercayaan bahawa tujuan Portugis menyerang Melaka hanyalah bersifat sementara. Portugis dipercayai akan beredar setelah memperoleh apa-apa yang dikehendakinya, iaitu barang-barang rampasan perang dan pembebasan orangnya daripada tahanan Melaka. Namun begitu, setelah Kota Melaka dapat ditawan dan Portugis terus membina pertahanan di Melaka, barulah pemerintah Melaka menyedari akan kesilapan mereka sebahagiannya kerana terlalu bergantung kepada nasihat orang asing itu. Kesimpulannya, jauh daripada meletakkan kesalahan kepada Sultan Mahmud atau sistem politik tradisional Melayu sebagai punca utama kejatuhan Kota Melaka di tangan Portugis, kajian ini menjelaskan wujudnya pengkhianatan orang asing akibat rasuah dan kelemahan kepimpinan tempatan yang memainkan peranan jauh lebih penting dan berkesan dalam mempengaruhi kejayaan Portugis dan penguasaannya terhadap Kota Melaka pada 1511.

NOTA

- 1 Tentang pendapat-pendapat yang sangat meluas mengaitkan kejatuhan Melaka dengan sifat buruk dan keji pemerintah Melaka iaitu Sultan Mahmud Syah boleh dirujuk melalui Abdul Rahman (1993, bab 3 terutamanya pada catatan nota kaki 2 dan 3) dan Aiza (2018, khususnya hlm. 133-152). Malah pandangan Aiza ini jelas bersifat hagiografi dan telah dikritik oleh sesetengah ahli sejarah yang melihatnya sebagai satu kajian yang tidak berasaskan bukti empirikal yang jelas, kecuali dikaitkan dengan eori agama dan peradaban yang sukar dipertahankan dari segi penjelasan sejarah. Lihat McRoberts (1994).
- 2 Terdapat banyak versi *Sulalat-us-Salatin* atau *Sejarah Melayu* yang dikemukakan, namun dalam kajian ini versi yang diselenggara dan dirumikan oleh Abdul Rahman berdasarkan naskhah Raffles No. 18 akan digunakan kerana dianggap lebih teliti dan kukuh. Versi lain hanya akan menjadi rujukan umum sahaja.
- 3 Dalam hal ini Abdul Rahman (1993, 37) menjelaskan; “Sikap memihak kepada pembesar empat beranak ini dan kecenderungan membabitkan semua kesalahan kepada Sultan Mahmud Syah amat ketara dalam tulisan separa ilmiah yang dihasilkan oleh penulis tempatan untuk bacaan peringkat sekolah. Dorongan hawa nafsu sultan yang dikatakan “gila perempuan” sering disebut sebagai punca kejadian. Bercanggah dengan apa yang diceritakan dalam *Sejarah Melayu*,

Bendahara Seri Maharaja digambarkan sebagai tokoh unggul yang bukan sahaja berpegang kepada luns adat tetapi juga bijaksana dalam segala tindak-tanduknya.’ Antara tulisan yang membandingkan “kebaikan” dan “kebijaksanaan” watak Bendahara Seri Maharaja dengan “kebuasan”, “kegilaan seks” dan “kejahatan” Sultan Mahmud Syah terhadap keluarga Bendahara itu ialah Mustafa (1977, pp. 45-46); Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh (1978, p. 109, 111 – 112, 207-209); Muhammad Yusoff (1989, p. 45) dan Haron (1993, p. 127). Walau bagaimana pun terdapat juga penulis yang menyalahkan kedua-dua pihak. Lihat Ali (1987, pp. 72-73) dan (2008, p. 47).

- 4 Menurut Raja Mohd Affandi; ‘Pada masa Sultan Mahmud gering dan hendak dibunuh oleh nendanya yang lebih sayangkan Raja Menawar [kekanda Sultan Mahmud], Bendahara dan Laksamana telah memelihara Sultan Mahmud sehingga rancangan itu gagal. Inilah satu tindakan Tun Perak yang buruk kesannya kemudian kepada Melaka kerana Sultan Mahmud ialah Sultan yang peribadinya zalim, melemahkan Melaka dan menyebabkan Melaka kalah di tangan Portugis pada T. M. 1511. Raja Menawar mungkin dapat menjadi raja yang lebih baik dari Sultan Mahmud.’ Untuk rujukan kes ini, lihat Abdul Rahman (2010, pp. 196-197).
- 5 Pandangan yang menjelaskan Sultan Mahmud bertindak membunuh Raja Zainal disebabkan sikap cemburu baginda dijelaskan oleh Muhammad Yusoff Hashim (1989, 48). Pandangan ini tidak pula menjelaskan kelakuan sebenar Raja Zainal yang menimbulkan kemurkaan Sultan Mahmud Syah walaupun kaitan kedua-duanya dijelaskan dalam *Sulalat-us-Salatin* pada halaman yang sama.
- 6 Abdul Rahman (2010, pp. 221-222).
- 7 Sikap Seri Bija Aldiraja yang tidak mahu menerima pertuanan Sultan Mahmud bermula sebaik sahaja Sultan Mahmud Syah diangkat sebagai Sultan Melaka. Lihat teks *Sulalat-us-Salatin* (Abdul Rahman, 2010, 213-214).
- 8 Andaya dalam kajiannya (1976, 162-164) menjelaskan kebiasaan sikap anak-anak raja yang digelar sebagai ‘anak nakal’, yang suka memberontak, melawan arus dan berhibur. Namun sikap mereka selalunya akan berubah bergantung kepada didikan yang mereka terima, tanggungjawab yang mereka pegang atau kematangan yang mereka peroleh setelah mencapai usia dewasa.
- 9 Dalam mentafsirkan peristiwa ini Muhammad Yusoff (1989, p. 40) menjelaskan; ‘Peristiwa tersebut telah menunjukkan kepada kita bahawa semasa kecil lagi Sultan Mahmud telah diajar bersifat zalim, maka tidak hairanlah jika semasa baginda dewasa, sifat begitulah yang diamalkan oleh baginda.’
- 10 Sejak memegang jawatan Temenggung lagi telah disebutkan dalam *Sulalat-us-Salatin* (Abdul Rahman Haji Ismail 2010, 199-200) akan sikap dan kelemahan Tun Muzahir yang terlalu asyik dengan perniagaan sehingga gagal menjalankan tugasnya, iaitu mengawal jenayah yang berleluasa berlaku di Kota Melaka pada ketika itu. Hal ini memaksa Sultan Melaka, iaitu Sultan Alaudin Riayat Syah, untuk turun menyelesaikan sendiri masalah tersebut dan menyindir kegagalan Tun Muzahir sebagai Temenggung dalam menjalankan tugasnya.
- 11 *Kajian Sejarah Melayu*, hlm. 3-4 (rujukan tidak disebut secara lengkap) seperti dipetik oleh Ali (2008, 48-49).
- 12 Lihat antaranya Winstedt (1982, 59-60); dan Wheatley (1964, 169-170).
- 13 Namun malangnya, dalam waktu terdekat dan mungkin buat sementara waktu disebabkan tidak banyak pilihan dan juga pergantungan baginda kepada pembesar lama dan berpengalaman dalam pentadbirannya, Sultan Mahmud akhirnya hanya mampu menggantikan Tun Muzahir

- dengan Bendahara Tepok (Paduka Tuan) sedangkan Bendahara Tepok telah pun terlalu uzur dan lumpuh kakinya. Beliau juga didakwa sesetengah pihak sebagai seorang yang tidak amanah dan berperlakuan buruk. Sumber Portugis, walaupun mungkin bersifat prejudis dalam hal ini, menyebut bahawa Bendahara Tepok merupakan ‘...by nature a treacherous man and a tyrant...’ Lihat Pintado (1993, 87 dan 89); Tomé Pires (1944, 254).
- 14 Lihat ‘A Letter From Rui de Araujo and His Companions Who Were in Captivity, To. D. Afonso De Albuquerque Malacca, 6th Februari 1510’ dalam M. J. Pintado (1993, 131-139).
 - 15 Lihat Marco Ramerini, ‘Portuguese Malacca 1511-1641: History of Colonial Malaysia’ dlm <https://www.colonialvoyage.com/portuguese-malacca-1511-1641>.
 - 16 Pintado (1993,133).
 - 17 Dalam menjelaskan tentang peristiwa ini Tomé Pires (1944, 225) mencatatkan; ‘...*the Gujaratees went to the said king Mafamut [Mahmud] with a great present, and also the Parsees and Arabs and Bengalees and many of the Klings reported to the said king together, that the Portuguese had reached the port, and consequently were bound to come there every time, and that, besides robbing by sea and by land, they were spying in order to come back and capture it [Malacca], just as all India was already in the power of the Portuguese – whom they call Franks (Framgēs) here – that because Portugal was far away they ought to kill them all here and that the news could not reach Portugal for a long time, if ever, and that Malacca would not be lost, nor its merchants, emphasising the case in such a way that the king replied that he would speak to the Bemdara, and he would decide what seemed best to him in this. These who had spoken went to the Bemdara; they took him double the present- and most of it was from the Gujaratees; they converted the Bemdara to their plot, and they further suggested to the said Bemdara that he should ask king for the flag-ship for himself, for it carried many bombards.*’ Pintado (1993, 155).
 - 18 Menurut Abdul Rahman (2008, 39), pengkhianatan Utimuturaja berlanjutan sehingga selepas Kota Melaka ditawan Portugis. Misalnya ketika kempen Portugis menyerang pertahanan Melaka yang berundur ke Muar, Utimuturaja telah menyumbang seramai 1900 orang pengikut manakala Naina Chatu pula telah menyumbang 700 orang untuk menyertai Portugis dalam ekspedisi tersebut.
 - 19 Menurut Pinto, pedagang Cina melihat Melaka sebagai sebuah kerajaan atau tributari yang tunduk di bawah pemerintahan empayar China, yang menjadi punca tarikan kedatangan mereka ke Melaka. Walau bagaimanapun, mungkin kerana mereka menganggap mereka tidak seuntung pedagang dari Gujerat yang diberi layanan istimewa oleh pemerintah Melaka, maka pedagang Cina merasa amat tidak berpuas hati. Oleh itu, tindakan para pedagang Cina adalah cenderung ke arah bekerjasama dengan Portugis. Misalnya apabila rombongan Portugis di bawah pimpinan Diogo Lopes de Sequeira berkonflik dengan pemerintah Melaka dan sebahagian daripada orang Portugis dipenjarakan, pedagang Cina sedia berkhidmat sebagai perantara, dan apabila Afonso Dalboquerque tiba di Melaka dan merasa ragu-ragu sama ada memilih diplomasi atau berperang dengan Melaka, pedagang Cina meyakinkan kepada Portugis akan sokongan dan bantuan mereka jika Dalboquerque memilih untuk merampas bandar Melaka melalui cara kekerasan. Lihat Pinto (2014, 18).
 - 20 Menurut catatan Afonso Brás de Dalboquerque (1875, 99), pedagang asing di Melaka memberi nasihat kepada Afonso Dalboquerque semasa Portugis sedang dalam usaha menyerang Melaka dengan menjelaskan bahawa; ‘...*unless the city were taken by starvation (though the inhabitants had provided even for this contingency), by stopping the supplies which came to her from Jaoa,*

- they (pedagang Cina) thought it very doubtful if any victory could be obtained against her; therefore they told him (Afonso) this, because they would be very sorry to see him in any peril.'*
- 21 Perihal serangan Portugis dan kerjasama secara langsung pedagang Cina di Melaka itu ada dijelaskan oleh seorang pengkaji Itali, Marco Ramerini seperti berikut; '*At dawn of 25 July 1511 the Portuguese attacked the town concentrating the assault on the bridge on the river dividing the town. After a fierce battle the bridge was conquered by the Portuguese, but at nightfall they were forced to retreat. After some days of preparations, on 10 August 1511, the Portuguese renewed the attack. Albuquerque had the assistance of some Chinese junks that were anchored in the port. The use of a junk offered by the Chinese merchants was decisive, as this junk was used as a bridgehead. This time the attack was successful and the Portuguese finally succeeded in establishing a bridgehead in the town. There were then several days of siege in which the Portuguese bombarded the city. On 24 August 1511 the Portuguese again attacked only to discover that the Sultan had escaped. With Malacca was now in Portuguese hands, they sacked the town, but following Albuquerque's orders, they respected the property of those who sided with them. B. W. Diffie and G. D. Winius in the book "Foundations of the Portuguese Empire 1415-1580" write: "the capture of Asia's greatest trading city by a mere 900 Portuguese and 200 Indians must rank as an event in the history of European expansion no less stunning than the better known conquest of Tenochtitlan by Hernando Cortes".* Lihat pandangan oleh Marco Ramerini, 'Portuguese Malacca 1511-1641: History of Colonial Malaysia' dlm <https://www.colonialvoyage.com/portuguese-malacca-1511-1641>.
- 22 Dalam hal ini Abdul Rahman memberikan pandangan yang serupa dengan mengatakan; 'Kesetiaan orang luar dan pedagang di Melaka bukan kepada negara dan kerajaan Melayu Melaka tetapi kepada keuntungan dan peluang menambah kekayaan yang berada di hadapan mereka. Apabila kemampuan kerajaan Melayu Melaka mengusir Portugis mula diragui, sebahagian daripada peniaga pun mula 'melabur saham' dengan membantu Portugis, mula-mulanya secara bersembunyi dan kemudiannya secara terbuka.' (Abdul Rahman, 2008, 38).

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud (Eds.) (2008). *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu): Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Ismail (Perumi) 2010. *Sejarah Melayu (The Malay Annals)*. Cheah Boon Kheng (Ed). Reprint No. 17. Selangor: MBRAS.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (1985). Kewibawaan Mutlak Raja dan Ketaatsetiaan Mutlak Rakyat kepada Raja: Satu Penilaian Semula tentang Lunas Perhubungan Raja-Rakyat Masyarakat Melayu Tradisional seperti yang Terdapat di dalam Kitab-Kitab Sastera Sejarah Melayu. *Kajian Malaysia*, 3, 32-57.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (1993). Kekerasan Pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka: Penelitian Berdasarkan Sejarah Melayu. Qasim Ahmad (Ed.). *Kekerasan dalam Sejarah: Masyarakat dan Pemerintah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (2008). *Sulalat-us-Salatin dan Perjuangan Orang Melayu Melawan Portugis pada Awal Kurun Ke-16*. Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud

- (Eds.). *Sulalat-us-Salatin: Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdur-Rahman Mohamed Amin dan Ahmad Murad Merican. (2014). The Images of “Keling” in *Sulalat al-Salatin*. *International Journal of Social Science and Humanity*, 4(3), 178-182.
- Aiza Maslan @Baharudin. (2018). Analisis Kejatuhan Peradaban Islam Melaka Berdasarkan Teori Umran ibn Khaldun. *Jurnal Sejarah Melaka*, 1, 129-152.
- Ali Ahmad. (1987). *Karya-Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Ahmad. (2008). Halangan dalam Pengislahan Pemimpin Melaka Berdasarkan *Sulalat-us-Salatin*. Abdul Rahman Haji Ismail dan Haron Daud (Eds.). *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu): Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Andaya, Barbara W. (1976). The Role of the Anak Raja in Malay History: A Case Study from Eighteenth-Century Kedah. *Journal of Southeast Asian History*, 7(2), 162-186.
- Andaya, Leonard Y. dan Andaya, Barbara W. (1982). *A History of Malaysia* (Macmillan Asian Histories Series). Houndmills, Basingstoke, Hampshire and London: Macmillan Press Ltd.
- Aubin, Jean Luis, & Thomaz, Filipe F. R. (2007). Un opuscule latin sur la prise de Malacca par les Portugais, imprimé en Italie en 1514. *Archipel*, 74, 107-138
- Buyong Adil. (1973). *Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. (1993). ‘Ketidakadilan Raja dan Keruntuhan Kerajaan Melaka: Pengadilan Moral dalam *Sejarah Melayu*. Qasim Ahmad (Ed.). *Kekerasan dalam Sejarah: Masyarakat dan Pemerintah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. (1994). Feudalism in Pre-Colonial Malaya: The Past as a Colonial Discourse’. *Journal of Southeast Asian Studies*, 25(2), 243-269.
- Dalboquerque, Afonso Brás de (terj. Walter de Gray Birch). (1875). *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque: Second Viceroy of India* Vol. II-III. London: The Hakluyt Society.
- Duarte Barbosa (terj. M. L. Dames). (1921). *The Book of Duarte Barbosa: An Account of the Countries bordering of the Indian Ocean and their Inhabitants, Written by Duarte Barbosa, and Completed about the Year 1518*. Vol. 2. London: The Hakluyt Society.
- Haron Daud. (1989). *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. (2008). *Sulalat-us-Salatin: Landasan Kehancuran Negara Kota Melaka?* Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud (Eds.). *Sulalat-us-Salatin: Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- <http://www.kosmo.com.my/jurnal/iktibar-di-sebalik-kejatuhan-melaka-1.704406>.
- <https://www.thepatriots.asia/10-faktor-kekalahan-melaka-kepada-portugis/>
- Jelani Harun. (2016). *Sulalatus Salatin and Tun Perak’s Charisma in the Practice of the Laws of Nusantara Multiethnic Society*. *Malay Literature*, 29 (1), 42-72.

- Josselin de Jong, P. E. de. (1964). Character of the Malay Annals. J. Bastin dan R. Roolvink (Eds.). *Malayan and Indonesia Studies*. Oxford: Clarendon Press.
- Kassim Ahmad. (1964). *Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah*. Cetakan Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973.
- Lach, Donald F. (1965). *Southeast Asia in the Eyes of Europe: The Sixteenth Century*. Chicago and London: The University of Chicago Press.
- Loureiro, Rui Manuel. (2008). Historical Notes on the Portuguese Fortress of Malacca (1511-1641). *Revista de Cultura*, 27, 78-95.
- Maxwell, W. G. (1909). An Account of De Siqueira's Voyage to Malacca. *Journal of Straits Branch Royal Asiatic Society*, 57, 193-95.
- McRoberts, R. W. (1984). An Examination of the Fall of Melaka in 1511. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*, 57(1), 26-39.
- Mitrasing, Ingrid. (2014). Negotiating a New Order in the Straits of Malacca (1500-1700). *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 21(2), 55-77
- Mohd Jamil Mukmin. (2011). The Fall of Melaka to the Portuguese in 1511 and Sultan Mahmud Syah's Struggle to Free Melaka (1511-1528). *Melaka: Journal of Heritage* 1, 1-14.
- Muhammad Yusoff Hashim 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd. Yusof Ibrahim. (1998). Kesultanan Melayu Melaka 1400 (?) -1511: Pensejarahan dan Kesejarahan. *Malaysia dari Segi Sejarah*, 26, 1-14.
- Mustafa Mohammad Isa. (1977). *Perwatakan dalam Sejarah Melayu*. Alor Setar: Pustaka Jasmin.
- Pacnikel, B. B. (1960). *An Attempt of Interpretation of the Main Characters of the Malay Hikayat Hang Tuah*. Moscow: Oriental Literature Publishing House.
- Pintado, M. J. (Penyusun dan penterjemah). (1993). *Portuguese Documents on Malacca, 1509-1511*. Vol 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pinto, Paulo Jorge de Sousa. (2013). Chincheus and Sangleys: Ten Remarks on the Chinese Presence in Melaka and Manila (16th-17th Centuries). *Revista de Cultural*, 43, 59-69.
- Pinto, Paulo Jorge de Sousa. (2013). Share and Strife: The Straits of Melaka and the Portuguese (16th and 17th Centuries)'. *Orientierungen - Zeitschrift zur Kultur Asiens, Themenheft*, 64-85.
- Pinto, Paulo Jorge de Sousa. (2014). A China pelos Olhos de Malaca: A Suma Oriental e o conhecimento europeu do Extremo Oriente. Roberto Carneiro, Guilherme de Oliveira Martins (Eds.). *China e Portugal, cinco centúrias de relacionamento: uma leitura académica*. Lisboa: CEPCEP-Centro Nacional de Cultura.
- Pires, Tomé (diedit oleh A. Cortesao). (1944). *The Suma Oriental of Tomé Pires: An Account of the East, From the Red Sea to Japan, Written in Malacca and India in 1512-1515*. 2 Vols. London: The Hakluyt Society.
- Qasim Ahmad (Ed.) (1993). *Kekerasan dalam Sejarah: Masyarakat dan Pemerintah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- R. J. Wilkinson. (1912). 'The Capture of Malacca'. *Journal of Straits Branch Royal Asiatic Society*, 61, 71-76.

- Raja Mohd Affandi. (1982). *Tokoh-Tokoh Melayu yang Agung dalam Sejarah*. Cetakan Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramerini. Marco, (n.d). Portuguese Malacca 1511-1641: History of Colonial Malaysia. <https://www.colonialvoyage.com/portuguese-malacca-1511-1641/>
- Sá, A. Basílio de (Ed.). (1954). *Documentação para a História do Padroado Português do Oriente – Insulíndia*, 6 vols. Lisbon: Agência Geral do Ultramar.
- Shaffer Marjorie. (2013). *Pepper: A History of the World's Most Influential Spice*. New York: Thomas Dunne Books, St. Martin's Press.
- Shaharuddin Maaruf. (2014). *Concept of a Hero in Malay Society*. Petaling Jaya: Sird.
- Syed Hussein Alatas. (1972). Feudalism in Malaysian Society: A Study in Historical Continuity. *Modernization and Social Change*. Sydney: Angus & Robertson.
- Thomaz, Luis Filipe F. R. (1991). *Nina Chatu and the Portuguese Trade in Malacca*. Bandar Melaka: Luso-Malaysian Books.
- Wheatley, Paul. (1964). *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*. Singapore: Eastern University Press Ltd.
- Wilkinson, R. J. (1923). *A History of the Peninsular Malays*. Singapore.
- Wilkinson, R. J. (1935). 'The Capture of Malacca, A.D. 1511'. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*, 13, Pt. 2: 68-69.
- Wilkinson, R. J. (1935). 'The Fall of Malacca.' *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*, 13(2), 68-69.
- Wilkinson, R. J. (1935). 'The Malacca Sultanate.' *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society* 13(2), 22-67.
- Wilkinson, R. J. (1971). The Malacca Sultanate. *Papers on Malay Subjects*, Reprint (Selected and Introduced by P. L. Burns). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R. O. (1982). *A History of Malaya* (Revised and Enlarged). Kuala Lumpur and Singapore: Marican and Sons.
- Wolters, O. W. (1970). *The Fall of Srivijaya in Malay History*. New York and London: Ithaca.
- Yahaya Abu Bakar. (1980). 'Catatan Mengenai Hubungan Awal Portugal-Melaka'. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 10, 226-233.
- Yahaya Abu Bakar. (1983). Melaka Sebagai Pusat Islam Abad Ke-XV. *SARI: Jurnal IBKKM*, 1(1), 31-55.
- Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh. (1978). *Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Kritis dari Pelbagai Bidang*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Book (Asia) Ltd.
- Zainal Abidin (Za'ba). (1961). *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*. North Bridge Road: Singapore.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (1997). *Kesultanan Melayu Melaka: Pentadbiran Kuno atau Moden?* Batu Berendam, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).

Diperoleh (*received*): 28 Februari 2019

Diterima (*accepted*): 30 Ogos 2019